
KOPERASI MCIS BERHAD
Koperasi MCIS Berhad
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
ke- 63
LAPORAN TAHUNAN
2025
Memperkasa Koperasi
Memakmurkan Rakyat
WISMA KOPERASI MCIS BERHAD
Tarikh : 22 Ogos 2026
Tempat : Hotel JEN By Shangri-La, P. Pinang

KOPERASI MCIS BERHAD

VISION

> To be the top-notch cooperative society providing excellent social and financial services to members.

MISSION

- To improve socio-economic and welfare of fellow cooperative societies and members by consistently giving better return and service.
- To achieve the highest level of professionalism and good governance in accordance with laws of Malaysia.
- To be a strong financial provider to needy cooperative.
- To facilitate and educate members in cooperative knowledge and management.
- To participate in corporate social responsibility (CSR) programmes.
- Create a strong team work relationship among the cooperative members.
- To provide medical insurance scheme to eligible members at preferential rate.
- To improve the administration skills of board members in seeking viable business opportunities and investments for the best returns.



About Our Founder

Dato' N.A. Kularajah (1921 – 17 May 1996) was a highly respected figure whose legacy continues to inspire the cooperative movement both in Malaysia and across Asia. He is fondly remembered for his significant contributions to the advancement of international cooperation, particularly in the fields of insurance, consumer affairs, and banking.

During the formative years of The Malaysian Cooperative Insurance Society Limited (MCIS), Dato' Kularajah emerged as a visionary leader. Serving as Chairman from 1959 to 1961, he demonstrated a dynamic leadership style and earned a reputation for integrity and innovation. Under his guidance, MCIS became a symbol of progress and a model for cooperative development across the Asian region.

In 1965, he was appointed President of the Malaysian Cooperative Union, a role he held with distinction until his passing in 1996. Throughout his tenure, Dato' Kularajah was instrumental in shaping policies and strategies that strengthened the cooperative sector both nationally and internationally.

In addition to his leadership roles, he also served on numerous committees dedicated to cooperative and insurance affairs, reflecting his unwavering commitment to the sector. His dedication and service to various cooperative organizations left a lasting impact and helped elevate Malaysia's reputation in the global cooperative community.

Kedudukan 1-20 | Ranking 1-20

KOPERASI MCIS BERHAD

NEGERI / *STATE* :
WILAYAH PERSEKUTUAN

19

KEANGGOTAAN / *MEMBERSHIP* :
5,945

SYER & YURAN / *SHARE & SUBSCRIPTIONS* :
RM73,104,000

KUMPULAN WANG ANGGOTA / *MEMBERS' FUND* :
RM159,858,000


JUMLAH ASET KOPERASI / *TOTAL CO-OPERATIVE ASSETS* :
RM277,805,000

JUMLAH ASET KUMPULAN / *TOTAL GROUP ASSETS* :
RM271,153,000

PENDAPATAN KOPERASI / *CO-OPERATIVE INCOME* :
RM8,956,000

PENDAPATAN KUMPULAN / *GROUP INCOME* :
RM8,959,000

AKTIVITI UTAMA / *MAIN ACTIVITY* :
PELABURAN
INVESTMENT



KOPERASI MCIS BERHAD

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

Sijil Pengiktirafan

100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA 2025

KOPERASI MCIS BERHAD

telah berjaya tersenarai pada kedudukan

KE - 14

LEFTENAN JENERAL DATUK AHMAD NORIHAN BIN JALAL (B)

Pengerusi Suruhanjaya Koperasi Malaysia

ATURCARA

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 63 KOPERASI MCIS BERHAD

22hb OGOS 2026
SABTU
9.00 PAGI

Hotel JEN Penang Georgetown by Shangri-la
Magazine Road,
10300 Georgetown, Pulau Pinang

MASA	***ATURCARA***
7.30 pagi	Pendaftaran Perwakilan.
	Perwakilan mengambil tempat.
9.00 pagi	Ucapan Aluan oleh Setiausaha Koperasi, En. Balasupramaniam Ramanaidu.
9.15 pagi	Ucapan Pengerusi oleh Yang Berhormat Dr. Gunarajah R.George, Pengerusi Koperasi MCIS Berhad.
	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-63 dimulakan.
	Agenda Mesyuarat Agung, rujuk notis yang telah diedar.
	Mesyuarat Selesai.
	Bersurai.

SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT	ISI KANDUNGAN
i-ii	Maklumat Koperasi
1 - 3	Perutusan Pengerusi
4	Anggota Lembaga Koperasi (Gambar)
5	Warga Kerja Koperasi (Gambar)
6 - 7	Notis Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-63
8 – 15	Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan
16 – 44	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 62 ⌖ Ucapan Pengerusi – Lampiran 1 ⌖ Senarai Kehadiran – Lampiran A1 & A2
45 – 48	Aktiviti Koperasi – 2025 (Galeri Gambar)
49 – 54	Laporan Lembaga Bagi Tahun 2025
55 - 57	Laporan Berkanun Lembaga Bagi Tahun 2025
58 - 59	Laporan Jawatankuasa Audit dalaman Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025
60 – 61	Laporan Juruaudit Shan & Co Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025
62 – 63	Kunci Kira-Kira Pada 31 Disember 2025
64	Akaun Pembahagian Keuntungan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025
65	Penyata Pendapatan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025
66 – 67	Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025
68 – 98	Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025
99	Anggaran Belanjawan 2026 Dan 2027

MAKLUMAT KOPERASI

PENGERUSI
YB Dr Gunarajah R.George

TIMBALAN PENGERUSI
Thankarajoo Subramaniam

SETIAUSAHA
Balasupramaniam Ramanaidu

BENDAHARI
Venkatasal Rao Nookaiah

ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA
Dr Letchumanan Amaippen
Dr Jeyabalan A.Nadarajah
Datuk Goh Ah Ling
Balasundaram Kumarasamy
Dato' Khairul Walid Mohamed

JAWATANKUASA KERJA (EXCO)
YB Dr Gunarajah R.George
Thankarajoo Subramaniam
Balasupramaniam Ramanaidu
Venkatasal Rao Nookaiah
Datuk Goh Ah Ling

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
Mohamed Shafie Bin Abd Karim
Kamalanathan A/L R Ramanathan
Chellandy A/L C. Letchumanan
Sukumaran A/L Karuppiah Pillai

JURUAUDIT LUAR
Shan & Co
59, Jalan Thambipillay,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

PANEL PEGUAM

ABU TALIB SHAHROM
No. 39-43, Jalan Desa
Taman Desa, Off Jalan Kelang Lama
58100 Kuala Lumpur

Kasthuri Basir Shah & Patners
Peguambela & Peguamcara
Suite 9-3, Level 9, Menara Sentral Vista
No. 150, Jalan Sultan Abdul Samad
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

BANK-BANK

RHB Bank Berhad
CIMB Bank Berhad
Public Bank Berhad
MBSB Bank Berhad
Maybank Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Amanah Raya Berhad

TARIKH PENDAFTARAN/ BIL DAFTAR

2hb Ogos 1954/2144

ALAMAT BERDAFTAR

Koperasi MCIS Berhad
Tingkat Mezzanine, Tower 1
Wisma MCIS, Jalan Barat
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Email : koperasi.mcis@gmail.com
No. Telepon : 03-7954 6414 / 03-7956 1158
No. Telepon Bimbit / "Whatsapp" : +6011 – 6566 6414

PERUTUSAN PENGERUSI

Salam Sejahtera dan Salam Hormat.



Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan perutusan dalam Laporan Tahunan Koperasi MCIS Berhad bagi tahun 2025.

Tahun 2025 merupakan tahun yang mencabar. Namun begitu, Koperasi MCIS Berhad terus komited melaksanakan perancangan strategik yang telah ditetapkan, dengan memberi fokus kepada pengukuhan kedudukan Koperasi serta kepentingan anggota.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga Koperasi MCIS Berhad kerana berjaya mengekalkan kedudukan ke-14 dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Pencapaian ini adalah hasil usaha dan kerjasama Anggota Lembaga, anggota-anggota Koperasi, pihak pengurusan serta seluruh warga kerja Koperasi.

Tiga Sumber Utama Pendapatan

Koperasi MCIS Berhad bergantung kepada tiga sumber utama pendapatan:

1. MCIS Insurance Berhad – perniagaan insurans hayat;

2. The Pacific Insurance Berhad – perniagaan insurans am; dan

3. Hartanah dan Bangunan Koperasi MCIS, termasuk Wisma Koperasi MCIS di Petaling Jaya.

Ketiga-tiga sumber ini amat penting kepada kekuatan kewangan Koperasi.

Bagi MCIS Insurance Berhad, kita telah melalui tempoh yang mencabar sejak tiga tahun kebelakangan ini apabila Koperasi tidak menerima dividen, di samping menghadapi keperluan tambahan suntikan modal bagi memenuhi Capital Adequacy Ratio (CAR).

Keadaan ini memerlukan Lembaga membuat pertimbangan yang teliti demi menjaga kestabilan kewangan Koperasi.

Bagi The Pacific Insurance Berhad, selepas kira-kira tiga tahun tanpa menerima dividen, kita akhirnya menerima semula dividen. Perkembangan ini amat dialu-alukan dan membantu menambah sumber pendapatan Koperasi.

Pada masa yang sama, hartanah dan bangunan Koperasi terus menjadi aset strategik. Lembaga akan memastikan aset-aset ini diurus, diselenggara dan dimanfaatkan secara optimum bagi memberikan pulangan yang lebih baik.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Lembaga terus memberi tumpuan kepada pengukuhan prestasi dan kewangan Koperasi.

Dalam usaha mengekalkan pulangan kepada anggota, Lembaga bersetuju mencadangkan pembayaran dividen sebanyak 6%, menggunakan dana Kumpulan Wang Terkumpul, tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Keputusan ini dibuat dengan mengambil kira kepentingan anggota, di samping memastikan kestabilan dan kelangsungan Koperasi untuk jangka panjang.

Dalam aspek CSR, Koperasi MCIS Berhad bersama MCIS Insurance Berhad terus memberikan sumbangan kepada anak-anak anggota yang mencapai kecemerlangan akademik sebagai galakan untuk mereka terus berjaya.

Koperasi juga bekerjasama dengan The Pacific Insurance Berhad dalam menyediakan perlindungan khairat kematian dan perlindungan insurans individu pada kadar premium yang lebih berpatutan.

Lembaga sentiasa mengambil pendekatan yang berhati-hati dan bertanggungjawab dalam membuat keputusan. Setiap aktiviti dan pelaburan dinilai dari aspek risiko, kos, manfaat serta pulangan kepada Koperasi.

Kami akan terus memastikan pentadbiran Koperasi dilaksanakan secara berhemah, telus, bertanggungjawab dan berintegriti, dengan mematuhi Undang-Undang Kecil Koperasi serta Akta Koperasi 1993.

Saya bersama Anggota Lembaga akan terus menjaga kepentingan Koperasi dan anggota melalui peningkatan kecekapan, penambahbaikan berterusan serta kerjasama erat antara Lembaga, Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Audit Dalaman, pihak pengurusan dan seluruh anggota.

Saya percaya kejayaan Koperasi adalah hasil usaha bersama. Dengan semangat kebersamaan dan tadbir urus yang baik, kita mampu membina Koperasi MCIS Berhad yang lebih kukuh, berdaya saing dan mampan.


Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Koperasi Malaysia, ANGKASA, MCIS Insurance Berhad, The Pacific Insurance Berhad serta Sanlam sebagai rakan strategik Koperasi MCIS Berhad, atas segala sokongan, bimbingan dan kerjasama yang diberikan.

Penghargaan turut ditujukan kepada semua Anggota Lembaga, Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Audit Dalaman, pihak pengurusan dan seluruh warga kerja Koperasi MCIS Berhad atas komitmen dan sumbangan yang diberikan.

Kerjasama erat semua pihak menjadi asas kepada usaha kita untuk memastikan Koperasi MCIS Berhad terus kukuh, berdaya saing dan mampu memberikan manfaat terbaik kepada seluruh anggota.

Semoga Koperasi MCIS Berhad terus berkembang, kukuh dan berjaya demi kepentingan seluruh anggota.

Sekian, terima kasih.



YB Dr. Gunaraj George
Pengerusi
Koperasi MCIS Berhad

ANGGOTA LEMBAGA TAHUN 2025-2026



Pengerusi
YB. Dr. Gunarajah R. George



Setiausaha
Balasupramaniam Ramanaidu



Bendahari
Venkatasal Rao Nookaiah



Anggota Lembaga
Datuk Goh Ah Ling



Anggota Lembaga
Dr Letchumanan Amaippen



Naib Pengerusi
Thankarajoo Subramaniam



Anggota Lembaga
Dato' Khairul Walid Mohamed



Anggota Lembaga
Balasundaram Kumarasamy



Anggota Lembaga
Dr Jeyabalan A.Nadarajah

KAKITANGAN KOPERASI MCIS BERHAD TAHUN 2025-2026



K Manimaran Krishnan
Penolong Pengurus Besar



Thilaga Pariasamy
Ketua Bahagian Kewangan dan Pengurusan Hal Ehwal Keahlian



Haslin Abd Ghani
Eksekutif Hal Ehwal Keahlian



Sangari Nadarajah
Eksekutif Kanan



Naquib Masror
Eksekutif Akaun



Selvarajoo Palaniandy
Pembantu Tadbir



Paul Jeyaraj SS Doss
Penyelia Bangunan



Ambika Devi Changarang
Eksekutif



Murugan Mari
Penyelenggara Bangunan

KOPERASI MCIS BERHAD

(2144)

Perwakilan Koperasi Anggota dan Perwakilan Anggota Individu
Koperasi MCIS Berhad

NOTIS Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 63 Koperasi MCIS Berhad seperti berikut :

Tarikh/Hari	:	**22hb Ogos 2026/Sabtu**
Masa	:	**9.00 pagi**
Tempat	:	**JEN by Shangri - La Penang Georgetown, Magazine Road, Georgetown, 10300, Pulau Pinang.**

AGENDA

1. Mengesahkan Penggantungan dan Pemberhentian Keanggotaan Selaras dengan Peruntukan Undang-Undang Kecil Koperasi MCIS Berhad 23(1), 23(2), 23(3), 23(4) dan 23(5).

2. Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 63

3. Membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 62 yang telah diadakan pada 23hb Ogos 2025

4. Menerima dan meluluskan Laporan Akaun Teraudit Koperasi dan subsidiari-subsidiari Koperasi MCIS Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

5. Menerima dan meluluskan :-
   i. Laporan Berkanun Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025
      a) cadangan bayaran dividen pada kadar 6%
      b) cadangan bayaran honorarium Lembaga tertakluk kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia
   ii. Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

6. Memilih tiga (3) orang Anggota Lembaga, dua (2) orang Anggota Lembaga dikalangan Perwakilan Koperasi dan satu (1) orang Anggota Lembaga di kalangan Perwakilan Individu untuk tempoh tiga (3) tahun. Anggota Lembaga yang bersara mengikut giliran adalah seperti berikut :-
   i. Encik Thankarajoo a/l Subramaniam (Perwakilan Koperasi)
   ii. Encik Venkatasal Rao a/l Nookaiah (Perwakilan Koperasi)
   iii. Dr Letchumanan a/l Amaippen (Perwakilan Individu)

7. Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan Koperasi seperti diperuntukkan dibawah Seksyen 54 Akta Koperasi 1993 kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia : Lima Ratus Juta Sahaja (RM500,000,000.00) dan menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia : Lima Ratus Juta Sahaja (RM500,000,000.00) dengan kadar faedah semasa dipasaran.

8. Meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) dan tidak lebih daripada empat (4) firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026.

Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7954 6414, 7956 1158, 7955 2650 Fax: 603-7958 2632
E-mail: koperasi.mcis@gmail.com

9. Menimbang dan meluluskan kajian semula anggaran belanjawan bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026 dan menimbang dan meluluskan anggaran belanjawan tempoh 1 Januari 2027 hingga 31 Disember 2027.

10. Mendengar, membahas dan memutus sebarang usul yang disampaikan kepada Setiausaha Koperasi secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 63.

Dengan Perintah Lembaga
Koperasi MCIS Berhad

BALASUPRAMANIAM A/L RAMANAIDU
Setiausaha
Tarikh : 30hb Julai 2026

Sk. Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Pengarah, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan

PERHATIAN :

i) **PENJELASAN BERKENAAN LAPORAN DAN AKAUN**

Perwakilan Koperasi Anggota dan Perwakilan Anggota Individu yang ingin mendapatkan sebarang penjelasan berkenaan Laporan dan Akaun adalah diminta menghantarkan soalan-soalan mereka secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat ini diadakan.

PERINTAH TETAP MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI MCIS BERHAD

1. Perhimpunan

Anggota-anggota hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam Notis Mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

Bahasa Rasmi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia.

3. Pengerusi Mesyuarat

Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi.

4. Perkara-Perkara Mesyuarat

Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat. Semua perkara yang tercatat dalam Agenda Mesyuarat hendaklah diutamakan lebih daripada perkara-perkara yang lain.

5. Korum

Korum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil.

6. Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

Minit Mesyuarat Agung yang lalu akan diedarkan dan dibaca untuk pengesahan. Selain dari pembetulan minit, perbincangan atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat dan ditandatangani oleh Pengerusi, ahli-ahli boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan sama sekali.

7. Setiausaha Mesyuarat

Mesyuarat Agung boleh melantik seorang Setiausaha untuk mencatat perjalanan mesyuarat dan hendaklah menyerahkan Minit Mesyuarat itu kepada Setiausaha Koperasi ini dalam tempoh dua minggu dari tarikh Mesyuarat Agung diadakan.

8. Hak-hak Perwakilan

Perwakilan yang sah dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan, sokongan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam Agenda Mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

9.1 Laporan Tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah Minit Mesyuarat Agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor " Telah diterima dan diluluskan".

9.2 Laporan Tahunan hendaklah diberi keutamaan dari lain-lain perkara. Sesuatu syor hendaklah dibuat terhadap mana-mana bilangan dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi. Syor seperti ini hendaklah mengenai perkara yang tidak boleh diterima atau sebarang ketinggalan yang mendukacitakan.

10. Tertib Bercakap

10.1 Perwakilan yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila dipanggil oleh Pengerusi hendaklah ia berdiri dan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Apabila lebih dari seorang bangun untuk bercakap, perwakilan terdahulu bangun diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, keputusan terletak pada Pengerusi.

10.2 Perwakilan tidak boleh bercakap lebih dari sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Tetapi sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul, seseorang perwakilan, sungguhpun telah bercakap semasa perbincangan usul asal, boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu.

10.3 Seseorang perwakilan tidak boleh mengganggu perwakilan yang sedang bercakap kecuali :-

a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu perwakilan yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dikeluarkan buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi untuk memutuskannya; atau
b) jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh perwakilan yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat

perwakilan yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk dan perwakilan yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi.

10.4 Jika seseorang perwakilan mengganggu perwakilan lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadab dan engkar mematuhi arahan Pengerusi apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya akan dicatat oleh Pengerusi. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi.

10.5 Jika Pengerusi memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, perwakilan yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan lain-lain perwakilan tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi memberi kebenaran untuk melanjutkan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima minit. Perwakilan yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga minit, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi. Tambahan masa yang diberikan hendaklah tidak melebihi dua minit.

12. Isi-isi Ucapan

12.1 Perwakilan hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

12.2 Perkara-perkara yang dalam timbangan mahkamah tidak boleh disebut

12.3 Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh ditimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.

12.4 Seseorang perwakilan tidak boleh menggunakan bahasa biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat terhadap perwakilan lain.

12.5 Nama, kelakuan dan sifat Ke Bawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atau nama DYMM Raja-Raja Melayu atau Tuan Yang Terutama, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi Mesyuarat.

12.6 Seseorang perwakilan yang bercakap tidak boleh menggunakan :-

a) perkataan-perkataan derhaka pada negeri;
b) perkataan-perkataan yang membangkitkn perasaan melawan kuasa kerajaan, dan

c) perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan di antara kaum di Malaysia.

12.7 Jika pada timbangan Pengerusi, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi boleh menolak usul atau pindaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan/Perbahasan

Setelah sesuatu perkara dikemukakan kepada mesyuarat, seorang perwakilan boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada fikiran Pengerusi usul itu tidak menyalahi dari segi mana-mana peraturan, maka perkara itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang (bahas) walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul (motion)

14.1 Sebarang cadangan pertama di dalam satu perkara akan dikenali sebagai "Usul Asal" dan semua cadangan mengenai perkara yang sama dikenali sebagai "Pindaan".

14.2 Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis.

14.3 Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam Agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya 30 hari sebelum Mesyuarat Agung diadakan.

14.4 Seseorang perwakilan yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung. Tetapi disyaratkan pindaan itu pada timbangan Pengerusi tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu.

14.5 Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya telah dimasukkan dalam Agenda, Pengerusi, apabila sampai masanya, hendaklah mengisytiharkan dalam Mesyuarat Agung bahawa usul tersebut itu telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

15.1 Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya.

5.2 Seseorang perwakilan tidak boleh mencadang atau menyokong lebih dari sekali. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada peraturan 18 Perintah Tetap ini.

17. Hak Menjawab

17.1 Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat ia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan keputusan majoriti perwakilan.

17.2 Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada pembawa pindaan.

18. Pengundian

18.1 Semua perkara hendaklah diputuskan secara kolektif dan bersama oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu.

18.2 Semua perkara hendaklah diputuskan dengan majoriti mudah undi secara menyeluruh (across-the-board voting / combined voting) oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu secara angkat tangan melainkan satu pungutan undi (poll) diminta oleh mana-mana proksi koperasi anggota sebelum atau semasa pengisytiharan keputusan angkat tangan. Jika undi sama banyak, maka perkara yang diundi itu hendaklah disifatkan kalah dan Pengerusi Mesyuarat tidak mempunyai undi pemutus.

18.3 Pemilihan anggota-anggota Lembaga hendaklah juga diputuskan oleh perwakilan Koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu secara kolektif dan bersama dengan majoriti mudah undi secara menyeluruh (across-

the-board voting / combined voting) oleh perwakilan koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu. Perwakilan Koperasi anggota, di samping mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan koperasi anggota, boleh juga mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan anggota-anggota individu dan pada masa yang sama perwakilan anggota-anggota individu, di samping mengundi untuk calon-calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan anggota-anggota individu, boleh juga mengundi untuk calon anggota Lembaga daripada kategori perwakilan Koperasi anggota.

18.4 Pengerusi mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya sendiri.

18.5 Hak dan bilangan undi perwakilan Koperasi anggota dan perwakilan anggota-anggota individu hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi.

18.6 Satu Jawatankuasa Pemerhati seramai tiga (3) orang dan lima (5) orang pengira undi hendaklah dilantik dari kalangan perwakilan yang hadir di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan

19. Adab Anggota Tidak Bercakap

Masa Mesyuarat sedang berjalan :-

a) perwakilan hendaklah masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau meminta diri daripada Dewan dengan tertib adab ;
b) seseorang perwakilan tidak boleh melintas ruangan tengah Dewan tanpa apa-apa urusan ;
c) perwakilan tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali risalah yang ada kena mengena dengan perkara yang dibahaskan;
d) masa seseorang perwakilan bercakap, perwakilan lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

20. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

20.1 Bila perwakilan ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana perwakilan yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan Mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi dapat didengar dan tidak terganggu.

20.2 Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi memastikan supaya Perintah Tetap Mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula.

20.3 Pengerusi, setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseoarang perwakilan yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan ia berhenti bercakap.

20.4 Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana perwakilan yang berkelakuan tidak senonoh (biadab) keluar dengan serta merta daripada mesyuarat.

20.5 Perwakilan yang diperintah keluar menurut 21.4, dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat.

20.6 Sesuatu perkara yang berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan Pengerusi sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive), maka perkara itu hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan keputusan majoriti perwakilan.

20.7 Jika Mesyuarat Agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan pleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip keadilan sejagat (natural justice) hendaklah dipakai.

20.8 Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi boleh, jika pada pandangannya didapati wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

21. Penggantungan Mana-mana Peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan

Mana-mana peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwaklan ini boleh diketepikan atas cadangan mana-mana perwakilan berhubung dengan mana-mana perkara khas mengenai kelicinan pengendalian mesyuarat dengan syarat cadangan itu hendaklah dipersetujui dengan kelebihan undi dua pertiga (2/3)

22. Kuasa Pembatalan

Lembaga dari masa kesemasa boleh mengemukakan cadangan kepada Mesyuarat Agung bagi membatalkan atau meminda mana-mana peruntukan Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan ini.

Diakui Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan **Koperasi MCIS Berhad** dibentang, dibincang dan diterima dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke 37 **Koperasi MCIS Berhad** yang diadakan pada 25 Mac 2000 dan perintah Tetap ini hendaklah digunapakai pada 25 Mac 2000 dan hendaklah dipatuhi oleh semua Mesyuarat Agung Perwakilan **Koperasi MCIS Berhad**.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA KOPERASI MCIS BERHAD

Gunapakai Perintah Tetap Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi MCIS Berhad berkuatkuasa pada 25 Mac 2000 dan seterusnya.

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-ke-62
KOPERASI MCIS BERHAD

TARIKH/HARI : 23hb Ogos 2025/SABTU

MASA : 9.00 pagi

TEMPAT : Swiss-Garden Hotel Melaka, T2-4 The Shore @ Melaka River,
Jalan Persisiran Bunga Raya,
75300 Melaka Tengah, Melaka

HADIR :
(a) YB DR Gunarajah R.George (Pengerusi),
Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman
Koperasi (Lampiran A1/A2)*
(b) 70 perwakilan Koperasi Anggota (Lampiran A1)
(c) 39 perwakilan Anggota Individu (Lampiran A2)

TURUT HADIR :
(a) En. Hamni b Mat Dros - Pegawai Suruhanjaya Koperasi (SKM)
(b) Pn. Aireen Rozita bt Murahan @ Burhan - Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Audit (SKM)
(c) En. Sri Ram Mookiah – Pegawai Khas Lembaga
(d) Encik K.Manimaran Krishnan - Penolong Pengurus Besar
(e) Puan Thilaga Pariasamy - Pengurus Operasi/Akaun/Pencatat Minit

* ***Kehadiran Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalaman adalah seperti tercatat di Lampiran A1/A2.***

Ucapan Aluan Setiausaha

Setiausaha Koperasi MCIS Berhad, En. Balasupramanian Ramanaidu mengalu-alukan kehadiran para perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-62 Koperasi MCIS Berhad dan seterusnya memperkenalkan anggota-anggota Lembaga kepada para perwakilan. Beliau kemudiannya mengucapkan terima kasih tidak terhingga atas masa yang diluang oleh para perwakilan untuk sama-sama melaksanakan tanggungjawab dan kewajipan dalam menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 62.

Setiausaha juga memaklumkan selain menjalankan mesyuarat mengikut agenda yang ditetapkan seperti sedia maklum perkembangan, status koperasi dan penerangan berkaitan cabaran-cabaran yang dihadapi serta penyelesaiannya akan disampaikan oleh YB Dr Gunrajah R.George, Pengerusi Koperasi dalam ucapannya. Akhirnya sokongan padu yang ditunjukkan oleh para perwakilan amat dihargai dan bersama-sama kita membangunkan agenda koperasi dalam merealisasikan hasrat Malaysia MADANI.

UCAPAN PENGERUSI (Lampiran 1)

Dengan hormat dan bangganya YB Dr Gunarajah R.George selaku Pengerusi Koperasi MCIS Berhad mengalu-alukan kedatangan tetamu kehormat Yang Berusaha Dr Muhammad Razak bin Idris, Setiausaha Politik kepada Yang Berusaha Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bagi mewakili Yang Berbahagia Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Hj Mohd Akin, Setiausaha Politik Kanan kepada Perdana Menteri Malaysia, kami sangat berbesar hati dengan kehadiran Yang Berusaha Dr Muhammad Razak Idris dan seterusnya mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran En. Hamni bin Mat Dros Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Pn. Aireen Rozita bt Murahan @ Burhan - Ketua Penolong Pengarah Bahagian Audit (SKM)di atas kesudian hadir ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-62.

Pengerusi seterusnya mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan koperasi anggota, perwakilan individu Koperasi MCIS Berhad dan barisan Lembaga terdiri daripada En Thankarajoo Subramaniam (Timbalan Pengerusi), En. Balasupramaniam Ramanaidu (Setiausaha), En. Venkatasal Rao Nookaiah (Bendahari), Dr Letchumanan Amaippen (EXCO) dan Anggota-Anggota Lembaga Koperasi MCIS Berhad.

Selesai Ucapan Pengerusi

Akhirnya ucapan terima kasih atas kerja keras Lembaga yang diterajui oleh YB Dr Gunarajah George, Pengerusi Koperasi MCIS Berhad.

SETERUSNYA PENGESAHAN KOURUM MESYUARAT

Mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-62 mengesahkan korum mesyuarat mencukupi. Proksi koperasi seramai 70 wakil dengan jumlah undi 5244 dan individu 39 orang dengan jumlah undi 39, jumlah keseluruhan 109 wakil dan 5283 undi.

AGENDA 1
MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-62.

1.1 Pengerusi telah meminta perwakilan menamakan calon-calon yang akan menganggotai Jawatankuasa penentusahan deraf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan ke-62. Calon-calon adalah seperti berikut :-

i. En. K.Vijayasuriar a/l Kanapathi Pillai (Koperasi Serbaguna NUT Berhad)
ii. En. Abdul Fadzil Hussin (Koperasi Guru-Guru Melayu Muar Berhad)
iii. En. Kamalanathan a/l R.Ramanathan, (Individu)
iv. En. Sanni Babu a/l Themudoo, (Individu)
v. En. Kanakaraj a/l Subramaniam, (Individu)
vi. Tn Hj Adnan bin Awang (Koperasi Guru-Guru DTC Malaysia Berhad)

vii. En. S.Kesavan a/l Saundarajoo Naidu (Individu)
viii. En. Sukumaran a/l Karuppiah Pillai, (Individu)
ix. En. Chellandy a/l C.Letchumanan (Koperasi Runcas Malaysia Berhad)
x. En. Mawardi bin Nayan (Koperasi Bumiputera Kedah Berhad)

1.2 Mesyuarat menerima sepuluh (10) pencalonan penentusahan dan seterusnya pengundian dijalankan bagi memilih enam (6) orang penentusahan minit mesyuarat agung.

1.3 Pengundian dijalankan dan keputusan pemilihan calon penentusahan minit yang berjaya adalah seperti berikut : -

i. En. Chellandy a/l C.Letchumanan (Koperasi Runcas Malaysia Berhad)
ii. Tn Hj Adnan bin Awang (Koperasi Guru-Guru DTC Malaysia Berhad)
iii. En. Abdul Fadzil Hussin (Koperasi Guru-Guru Melayu Muar Berhad)
iv. En. Mawardi bin Nayan (Koperasi Bumiputera Kedah Berhad)
v. En. K.Vijayasuriar a/l Kanapathi Pillai (Koperasi Serbaguna NUT Berhad)
vi. En. Sanni Babu a/l Themudoo (Perwakilan Individu)

1.4 Untuk pemilihan dari kalangan Lembaga mesyuarat menyerahkan Lembaga Koperasi melantik Pengerusi koperasi dan tiga (3) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa penentusahan draf minit.

1.5 Mesyuarat menerima dan bersetuju dengan sebulat suara perlantikan semua Anggota Jawatankuasa penentusahan draf minit di atas.

Pencadang : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad

Penyokong : En. Gsangaya a/l Sannasi, perwakilan individu

AGENDA 2

MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-61 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17hb OGOS 2024

2.1 Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-61 seperti yang tercatat dalam buku laporan 2024 (*mukasurat 15 – 49*) untuk mendapatkan pengesahan daripada perwakilan.

2.2 Sebelum minit tersebut mendapat pengesahan, Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad telah membangkitkan bayaran elaun kehadiran koperasi anggota (Proksi Koperasi) perlu dikaji semula berdasarkan peningkatan perbelanjaan semasa atau ketika menghadiri mesyuarat agung koperasi ini.

2.3 Pengerusi memaklumkan bahawa Koperasi telah menyediakan penginapan dan majlis makan malam sejak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun cadangan tersebut akan dibincangkan dan dikaji semula pada tahun hadapan.

2.4 Minit mesyuarat tersebut diterima dan disahkan dengan sebulat suara.
Penyokong : En. Sevanesan a/l Nagappan, (perwakilan individu)
Pencadang : En. Vadivelu a/l Perumal,(Koperasi Keretapi Berhad)

AGENDA 3
MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI MCIS BERHAD BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2024.

3.1 Pengerusi membentangkan laporan akaun teraudit koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, rujuk buku laporan tahunan 2024 (*muka surat 70 – 112*)

3.2 En. Sundraraj Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Berhad memohon penjelasan berkaitan pelaburan di muka surat 70 - **Muhibbah;**

Muhibbah(Goodwill Amount)

	Kumpulan	
	2024	2023
	RM	RM
	300,000.00	300,000.00

En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar menerangkan bahawa pelaburan tersebut adalah pelaburan subsidiari iaitu pelaburan dalam bidang Pelancungan.

YB Dr Gunarajah R.George, Pengerusi Koperasi memaklumkan bahawa lesen pelancungan (MCIS Tours & Travel Sdn Bhd) telah dijual kepada Koperasi Yatra Hindu (M) Berhad.

3.3. En. Sundraraj Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Berhad merujuk kepada mukasurat 92 buku laporan tahunan 2024, mengapa dan memohon penjelasan berkaitan subsidiari, MCIS Development Sdn Bhd memindahkan 2 bidang tanah kepada Koperasi MCIS Berhad seperti berikut :-

a. GM 3567, Lot 1074 Ayer Hitam, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor, Selangor dengan keluasan 12,393.4781 meter persegi
b. GM 3568, Lot 1472 Sungai Chu, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor, Selangor dengan keluasan 11,634.6938 meter persegi

En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar memaklumkan bahawa tanah tersebut dipindah milik kepada Koperasi MCIS Berhad bagi tujuan ingin mendapatkan kemudahan pinjaman tabung modal pusingan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai modal cagaran. Koperasi telah membuat permohonan pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan masih dalam proses.

Pengerusi juga memaklumkan bahawa pindah milik tanah tersebut berdasarkan kepada penilaian asal dengan harga RM6.4 juta dan untuk pinjaman yang dipohon kepada TMP SKM satu penilaian baru akan dilaksanakan oleh Jabatan Penilaian Harta, masih dalam tindakan dan proses.

En. Sundraraj Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Berhad juga merujuk kepada bayaran kepada MCIS Development Sdn Bhd perlu pelarasan pada tahun hadapan. Mesyuarat ambil maklum atas perkara yang dibangkitkan.

3.4 Mesyuarat menerima dan meluluskan dengan sebulat suara laporan akaun teraudit koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2024.
Pencadang : En. Chellandy a/l C.Letchumanan (Koperasi Runcas Malaysia Berhad)
Penyokong : En. Sukumaran a/l Karuppiah Pilay, (perwakilan individu)

AGENDA 4
MENERIMA DAN MELULUSKAN :-

i. **Laporan Berkanun Lembaga Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31HB Disember 2024**
   a) **Cadangan bayaran dividen pada kadar 7%**
   b) **Cadangan bayaran honorarium lembaga tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

ii. **Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Dan Laporan Juruaudit Luar Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31HB Disember 2024**

4.1. Pengerusi memaklumkan bahawa Laporan Berkanun Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember 2024 adalah terkandung dalam buku laporan tahunan 2024, seperti tercatat di muka surat 62 dan 63.

Bayaran Dividen Pada Kadar 7%
Cadangan dividen dibayar pada kadar 7% atas baki modal syer dan syer bonus dan bayaran dividen akan hanya dibayar setelah mendapat kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

En.Chellandy turut membangkitkan isu berkaitan perbezaan kadar bayaran elaun antara proksi Koperasi dan individu.

Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad menyokong atas cadangan dividen dibayar pada kadar 7% dengan syarat elaun kehadiran kepada koperasi anggota dinaikkan kepada RM200.00.

En. Sundraraj Subramaniam, proksi Koperasi Cuepacs Berhad menyatakan beliau juga setuju dengan kadar bayaran tersebut atau lebih tetapi Koperasi perlu merujuk kepada realiti kedudukan kewangan koperasi yang hanya mendapat keuntungan sebanyak RM21,607.79 dan pelaburan dalam perniagaan insuran gagal mendapatkan dividen pada tahun ini. Berdasarkan kepada kedudukan kewangan semasa beliau cadangkan dividen diturunkan kepada 5%.

En. Vadivelu Perumal, proksi Koperasi Keretapi Berhad tidak menyokong cadangan dividen 5% sebaliknya menyokong kekal dibayar pada kadar 7%. Selain itu, beliau merujuk honorarium yang dipohon perlu dinyatakan jumlah permohonan untuk mendapat kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Tiada jumlah atau angka permohonan honorarium dalam Laporan Berkanun Lembaga.

En. Vijayasuriar a/l Kanapathi Pillay, Koperasi Serbaguna NUT Berhad memberi pandangan bahawa koperasi perlu merujuk kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Keputusan kelulusan bayaran dividen dengan menggunakan tabung kumpulan wang terkumpul perlu diluluskan oleh Mesyuarat Agung hari ini dan seterusnya memohon kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Dividen dibayar daripada kumpulan wang keuntungan terkumpul dan pembayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

En. Kanakaraj a/l Subramaniam, perwakilan individu memberi pandangan bahawa dividen yang dibayar perlu mengambil kira keuntungan semasa jika keuntungan sedikit dan koperasi menggunakan dana keuntungan terkumpul dan situasi seperti ini berterusan Koperasi akan menghadapi kekangan kewangan yang ketat pada masa hadapan

Pengerusi memaklumkan bahawa kadar dividen yang dicadangkan oleh Anggota Lembaga sebanyak 7% adalah mengambil kira kesetiaan anggota-anggota individu dan koperasi yang telah menyokong serta memberi sumbangan dan dokongan padu dalam koperasi lebih sedekad.

Lembaga juga sedang berusaha mendapat wang Jaminan Deposit (security deposit) daripada MCIS Insurance sebanyak RM12 juta. Selain itu koperasi anggota juga bergantung harap daripada bayaran dividen koperasi untuk membayar dividen kepada anggota-anggotanya. Pengerusi juga memaklumkan bahawa Yang Berbahagia Dato' Sahadivanaidu a/l Baliah dijangka akan dilantik sebagai Lembaga Pengarah MCIS Insurance Berhad dan sedang menunggu kelulusan daripada Bank Negara. Koperasi berharap dengan pelantikan Dato' Sahadivanaidu a/l Baliah dapat membantu koperasi mendapatkan dividen tahunannya daripada MCIS Insurance Berhad. Begitu juga di Pacific Insurance Berhad diwakili oleh Dr Letchumanan Amaippen sebagai Lembaga Pengarah berusaha untuk mendapatkan dividen daripada pelaburan. Lembaga akan berusaha mendapatkan dividen pada masa hadapan dan akan merancang bagaimana memperluaskan pelaburannya samaada menjual ekuiti sedia ada kepada rakan kongsi baru.

Pn. Aireen Rozita bt Murahan @ Burhan - Ketua Penolong Pengarah Bahagian Audit (SKM) menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh beberapa anggota/perwakilan seperti berikut:-

i Cadangan bayaran dividen kelazimannya Juruaudit Luar tidak menetapkan kadar dividen sebaliknya kadar tersebut ditetapkan atau dicadangkan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan

ii Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan meluluskan kadar yang dipohon oleh koperasi

iii SKM akan merujuk kepada kewangan koperasi samada mampu membayar dividen pada kadar yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung. Walaupun keuntungan wang terkumpul Koperasi ada ditahap yang baik. Kadar yang dicadngkan dibolehkan untuk membayar dividen tidak melebihi 10%.

iv Keuntungan tahun ini hanya RM21,607.79 dan koperasi akan menggunakan dana daripada Kumpulan wang terkumpul untuk membayar dividen kerana Koperasi MCIS tidak menerima dividen daripada dua pelaburan utama Koperasi.

Selain itu, beliau juga turut memberi pandangan bahawa pengurangan bayaran dividen masih boleh dilaksanakan seperti cadangan Proksi Koperasi sebentar tadi jika mengambil kira keuntungan koperasi yang tidak mengizinkan, Berdasarkan tiada dividen diterima daripada pelaburan dalam syarikat insuran. Beliau berharap bayaran dividen kepada anggota dapat dilaksanakan secara konsisten setiap tahun. Walau bagaimanapun keputusan kadar dividen tertakluk kepada keputusan dalam mesyuarat agung perwakilan tahun ini.

Pandangan daripada En. Govandasami a/l Kasi, proksi Koperasi Perumahan Ipoh Bharu Berhad berpandangan wang terkumpul koperasi mencecah RM87,546. juta dan bayaran dividen pada kadar 7% hanya menggunakan dana sebanyak RM4.697 juta, oleh itu beliau bersetuju cadangan kadar 7% dikekalkan.

En. S.Ahlaimuniandy, Proksi Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad menarik perhatian perwakilan bahawa wang terkumpul adalah hak milik anggota koperasi (individu) dan koperasi anggota, pembayaran dividen pada kadar 7% hendaklah dipersetujui walaupun pelaburan di syarikat insuran tidak mendapat dividen. Selain itu beliau memohon penjelasan wang terkumpul pada awal tahun RM87 juta dan akhir tahun penurunan sebanyak RM77 juta, mohon penjelasan.

En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar memberi penjelasan berkaitan penurunan/perbezaan wang terkumpul yang dibangkitkan adalah disebabkan perkara berikut :-

a. Pelarasan caj lewat bayar – Pacific Insuran Bhd – RM5,210,784.52 (nota 30)
b. Bayaran dividen 7% (2024) – RM4,697,926.87 (rujuk m/s 70)

Pengerusi mengambil maklum pandangan dan nasihat daripada wakil audit SKM dan menyerahkan kepada semua perwakilan untuk bersetuju atau tidak dengan cadangan kadar dividen sebanyak 7% (RM4,697,926.87). Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju pada kadar 7% dividen dibayar kepada anggota koperasi dengan mendapatkan kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Pembayaran Honorarium

Pengerusi Koperasi memaklumkan bahawa pada tahun kewangan berakhir 31/12/2023 tahun lalu tiada honorarium dibayar kepada Anggota Lembaga dan Anggota Lembaga telah sedaya upaya mengurangkan perbelanjaan 20% hingga 30% setiap tahun.

Berdasarkan kepada keuntungan semasa yang tidak memberansangkan Pengerusi mencadangkan tiada honorarium dibayar kepada Anggota Lembaga pada tahun kewangan berakhir 31/12/2024.

4.2 Pengerusi membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman *(muka surat 64 & 65)* dan juga membentangkan laporan Juruaudit Luar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (*muka surat 66 - 69*).

4.3 Mesyuarat menerima dan meluluskan dengan sebulat suara semua laporan yang dibentangkan di atas.

Pencadang : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad (08160003)

Penyokong : En. Sevanesan a/l Naggapan , perwakilan individu
671101-08-5785 (08190169)

AGENDA 5

MEMILIH TIGA (3) ORANG ANGGOTA LEMBAGA, DUA (2) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN KOPERASI DAN SATU (1) ORANG ANGGOTA LEMBAGA DI KALANGAN PERWAKILAN INDIVIDU UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN. ANGGOTA LEMBAGA YANG TAMAT TEMPOH MENGIKUT GILIRAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

5.1 Memilih Tiga (3) Orang Anggota Lembaga ;

5.1.1 Pengerusi memaklumkan tiga (3) Anggota Lembaga yang tamat tempoh adalah seperti berikut :-

i. **Dato' Shashi Kumar a/l Palaniyyapan (Koperasi NESA Pelbagai Berhad)**
ii. **Dato' Khairul Walid bin Mohamed (Koperasi KOSWIP (M) Berhad)**
iii. **YB Dr Gunarajah a/l R.George (perwakilan individu)**

Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Anggota Lembaga di atas yang telah memberi khidmat bakti dalam Koperasi MCIS Berhad selama tempoh perkhidmatan.

Seterusnya, Pengerusi memaklumkan menerima tiga (3) calon-calon bertanding kategori Koperasi Anggota. Calon-calon adalah seperti berikut :-

i. Dato' Shashi Kumar Palaniyappan (Koperasi NESA Pelbagai Berhad)
ii. Dato' Khairul Walid Mohamed (Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad)
iii. Dr Jeyabalan A.Nadarajan (Koperasi Doktor Malaysia Berhad)

Dalam kategori Koperasi Anggota hanya dua (2) calon boleh dipilih, walau bagaimanapun sebelum pengundian dijalankan seorang calon telah menarik diri daripada pemilihan dalam kategori Koperasi Anggota, calon tersebut adalah Dato' Shashi Kumar Palaniyappan (Koperasi NESA Pelbagai Berhad).

Dengan penarikan Dato' Shashi Kumar Palaniyappan (Koperasi NESA Pelbagai Berhad), calon-calon berikut diisyiharkan menang tanpa bertanding :-

i. **Dato' Khairul Walid Mohamed (Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad)**
ii. **Dr Jeyabalan A.Nadarajan (Koperasi Doktor Malaysia Berhad)**

5.1.2 Bagi kategori Individu, koperasi menerima hanya satu (1) pencalonan seperti berikut :-

i. **YB Dr Gunarajah R.George – telah menang tanpa bertanding**

Dengan sukacitanya diumumkan, TAHNIAH kepada semua calon yang telah menang tanpa bertanding seperti berikut :-

i. **Dato' Khairul Walid Mohamed (Koperasi KOSWIP Malaysia Berhad)**
ii. **Dr Jeyabalan A.Nadarajan (Koperasi Doktor Malaysia Berhad)**
iii. **YB Dr Gunarajah R.George (perwakilan individu)**

5.1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa pada masa hadapan semua perwakilan yang ingin bertanding setiap pencalonan Anggota Lembaga perlu mendapatkan penentusahan SKM, borang penentusahan SKM/BP & SKM/KEW boleh didapati melalui sesawang www.skm/GP3 dan seterusnya dihantar kepada Koperasi. Bagi mengelakkan kekeliruan pada masa hadapan perwakilan semua diingatkan sekiranya berminat untuk menjadi calon Anggota Lembaga, perwakilan dikehendaki menghantar borang penentusahan pada atau sebelum bulan April setiap tahun.

5.1.4 Mesyuarat ambil maklum dengan keputusan di atas.

AGENDA 6
MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN KOPERASI KEPADA TIDAK LEBIH DARIPADA RINGGIT MALAYSIA: LIMA RATUS JUTA SAHAJA (RM500,000,000.00) BAGI TAHUN 2024 DAN 2025 DAN MENETAPKAN HAD KETERHUTANGAN PINJAMAN LUAR KEPADA TIDAK LEBIH DARIPADA RINGGIT MALAYSIA: LIMA RATUS JUTA SAHAJA (RM500,000,000.00)

6.1. Pengerusi membentangkan perkara di atas untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat, skop dan had pelaburan adalah sebagai persediaan bagi membuat pelaburan dalam mempelbagaikan perniagaan dan had keterhutangan koperasi adalah mendapatkan pinjaman luar mengikut keperluan dengan faedah pasaran semasa dan sebagai persediaan dalam mempelbagaikan perniagaan atau lain-lain.

6.2. En. S.Ahlaimuniandy, Proksi Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad mencadangkan skop serta had pelaburan dan pinjaman dinaikkan daripada RM 500 juta kepada RM1 bilion

supaya sekiranya terdapat pelaburan atau keperluan pinjaman maka tidak perlu memanggil Mesyuarat Agung Khas.

6.3. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meluluskan skop serta had pelaburan koperasi dan keterhutangan pinjaman luar kepada tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Satu Bilion (RM1,000,000,000.00) seperti tersebut di atas.
Pencadang : En. S.Ahlaimuniandy, (Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad)
Penyokong : En. K.Vijayasuriar a/l Kanapathi Pillai, (Koperasi Serbaguna NUT Berhad)

AGENDA 7
MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) DAN TIDAK LEBIH DARIPADA EMPAT (4) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

7.1. Pengerusi membentangkan perkara di atas, bagi memilih mana-mana firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

7.2. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Lembaga untuk memilih mana-mana firma audit atau Bahagian Audit SKM bagi menjalankan pengauditan akaun koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.
Pencadang : En. Vadivellu Perumal, proksi Koperasi Keretapi Berhad
Penyokong : Tn. Hj. Ishak bin Hussain, proksi Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad

AGENDA 8
MENIMBANG DAN MELULUSKAN KAJIAN SEMULA BELANJAWAN BAGI TEMPOH 1HB JANUARI 2025 HINGGA 31HB DISEMBER 2025 DAN MENIMBANG DAN MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN TEMPOH 1HB JANUARI 2026 HINGGA 31HB DISEMBER 2026

8.1. Pengerusi membentangkan belanjawan bagi tempoh 1hb Januari 2025 hingga 31hb Disember 2025 dan 1hb Januari 2026 hingga 31hb Disember 2026 seperti yang tercatat di muka surat 113 dalam Buku Laporan Tahunan 2024.

8.2. Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh yang ditetapkan diatas.
Pencadang : En. Kamalanathan a/l R.Ramanathan, (perwakilan individu)
Penyokong : En. Sevanesan a/l Naggapan, (perwakilan individu)

AGENDA 9

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN CADANGAN, USUL ATAU ADUAN YANG DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA TIDAK KURANG TUJUH (7) HARI TELAH DIBERIKAN SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-62.

1 Cadangan Usul Lembaga : Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer

Pengerusi memaklumkan bahawa cadangan usul lembaga seperti yang diedarkan telah dibincang draf cadangannya dalam Mesyuarat Lembaga Khas yang bersidang pada 15hb Ogos 2025 membawa usul Lembaga bagi tambahbaik aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer.

Untuk makluman Kumpulan Wang Penebusan Syer sedia ada telah diluluskan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke- 45 pada 1hb Disember 2007, berdasarkan kepada keperluan dan perkembangan semasa koperasi perlu melaksanakan penambahbaikan aturan kumpulan wang penebusan syer bagi tujuan mengembalikan semula syer anggota yang memohon untuk mengeluarkan syer atau berhenti sebagai anggota Koperasi.

- Penambahbaikan aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer seperti berikut :-
  - mewujudkan atau memperolehi sumber dana penebusan saham (Share Redemption Fund) sebanyak RM 1 juta setiap tahun daripada keuntungan bersih setelah membuat pembahagian Kumpulan Wang Rizab Statutori, dividen dan cukai pendapatan.
  - Lembaga mempunyai hak untuk menambah, mengubah, meminda atau mengubah peraturan ini sebagaimana yang difikirkan sesuai dan perlu dari semasa ke semasa.
  - Tujuan dana(KWPS) ini adalah untuk memenuhi keperluan anggota yang ingin mengeluarkan/ menebus syer anggota.

Pengerusi menerangkan bahawa penambahbaikan aturan dengan memperuntukkan dana sebanyak RM1,000,000.00 (RM Satu Juta) dalam kumpulan penebusan saham setiap tahun adalah bertujuan membenarkan anggota menjual balik sahamnya kepada koperasi.

Mesyuarat telah berbincang dan mengambil keputusan bersetuju dengan sebulat suara membenarkan Koperasi membuat penambahbaikan aturan kumpulan wang penebusan syer sedia ada, Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer (Lampiran A) dan Resolusi Lembaga (Lampiran B).

Pencadang : En. Saran Singh a/l Phan Singh, (Koperasi Khalsa Malaysia Berhad)
Penyokong : En. Chellandy a/l C.Letchumanan (Runcas Malaysia Berhad)

2 Cadangan Penambahbaikan Aturan Yuran.

Mesyuarat dimaklumkan seperti yang telah dibangkitkan pada tahun 2024 berkaitan pindaan UUK – Yuran (rujuk slide lampiran C dan catatan minit mesyuarat agung 2023 – Agenda 9 – *mukasurat 12 & 13*) telah diluluskan pada 23hb Ogos 2023.

Bagi memenuhi kehendak perwakilan/anggota dalam mesyuarat agung yang lepas, Lembaga telah menyediakan aturan penambahbaikan yuran sekiranya anggota memohon untuk mengeluarkan yuran. Anggota perlu mematuhi aturan seperti berikut:-

i. Pengeluaran yuran hendaklah melalui borang permohonan
ii. Pengeluaran yuran perlu dibawa ke mesyuarat Lembaga & mendapat kelulusan Lembaga dalam mesyuarat Lembaga
iii. Notis pengeluaran/pembayaran – tempoh 3 hingga 6 bulan

En. Hamni Mat Dros, Pegawai SKM memberi maklum balas bahawa tambahan aturan adalah dibolehkan bagi penambahbaikan aturan dimana anggota dibenarkan mengeluarkan yuran tanpa berhenti sebagai anggota koperasi.

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju meluluskan pindaan UUK seperti lampiran C dan aturan seperti yang dinyatakan di atas.
Pencadang : En. Kamalanathan a/l R.Ramanathan, (perwakilan individu)
Penyokong : Dato' Sahadivanaidu a/l Baliah,(Koperasi NLFCS Berhad)

3 <u>Cadangan daripada Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad</u>

Pengerusi mempersilakan En. S.Ahlaimuniandy,Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad menyampaikan cadangan pelaburan Koperasi MCIS Berhad dalam pelaburan MCIS Insurance Berhad dan Pacific Insurance Berhad.

En. S.Ahlaimuniandy menarik perhatian perwakilan berkaitan pelaburan Koperasi MCIS Berhad dengan pegangan saham sebanyak 44.39% (RM66,142,539) dalam MCIS Insurance. MCIS Insurance merupakan syarikat bersekutu Koperasi dan menjalankan perniagaan insuran hayat. Koperasi juga mempunyai pegangan saham sebanyak 15% (RM 51,438,389) dalam Pacific Insurance Berhad yang menjalankan perniagaan insuran am.

Dengan cadangan pelantikan Dato' Sahadivanaidu a/l Baliah sebagai Lembaga Pengarah dalam MCIS Insurance dan berharap Bank Negara Malaysia memberi kelulusan atas pelantikan tersebut. Dengan pelantikan tersebut sebagai wakil dapat membantu menjaga kepentingan koperasi pada masa hadapan. Semua sedia maklum bahawa koperasi hanya memperolehi 44% pegangan saham dan tiada kawalan kuasa dalam pengurusan atau membentuk polisi/dasar.

Oleh itu bagi membentuk transformasi atau merangka plan strategi jangka panjang adalah dicadangkan perkara berikut;

- Mewujudkan satu jawatankuasa khas terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari (Koperasi MCIS Berhad) dan empat orang anggota terdiri dai kalangan anggota individu dan koperasi anggota bagi memperakukan program yang ketara dengan nasihat

kepakaran untuk 'monetise' pelaburan dalam kedua-dua syarikat tersebut diatas demi manfaat dan kesejahteraan para anggota pemegang syer.

Memandangkan cabaran perniagaan dalam syarikat insuran akan bertambah hebat dan meningkat pada masa hadapan maka satu solusi perlu dilaksanakan bagi membincangkan arah tuju koperasi dan tadbir urus yang berhemah demi menjaga kepentingan anggota dan koperasi amnya pada masa hadapan.

Pengerusi secara dasarnya bersetuju satu jawatankuasa akan dibentuk bagi merancang transformasi masa hadapan koperasi dengan diwakili oleh mereka yang berpengalaman luas dalam bidangnya seperti melantik Yang Berusaha. Dato' Sahadivanaidu a/l Baliah, En. S.Ahlaimuniandy dan lain-lain anggota yang berkelayakan. Mesyuarat menyerahkan kepada Lembaga koperasi untuk memilih anggota yang layak menduduki jawatankuasa tersebut.

Pencadang : En. S.Ahlaimuniandy, (Koperasi Perdanajaya Malaysia Berhad)
Penyokong : En. Vijayasuriar a/l Kanapathi Pillai, (Koperasi Serbaguna NUT Berhad)

PENANGGUHAN MESYUARAT

Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 12.00 tengahari. Bagi pihak Lembaga, Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia En. Hamni Mat Dros Pegawai SKM dan Pn. Aireen Rozita bt Murahan @ Burhan - Ketua Penolong Pengarah Bahagian Audit (SKM) yang turut memberi pencerahan, sokongan dan dokongan dalam membantu Koperasi MCIS Berhad, terima kasih juga kepada Dato' Shashi Kumar Palaniayappan yang menarik diri daripada bertanding sebagai Anggota Lembaga, koperasi berharap semoga terus kekal menyokong koperasi. Selain itu ucapan tahniah kepada Dato' Khairul Walid bin Mohamed yang dapat mengekalkan jawatan Anggota Lembaga dalam pemilihan kategori koperasi serta Dr Jeyabalan A.Nadarajah di atas kejayaan dipilih sebagai Anggota Lembaga dalam kategori koperasi anggota dan saya juga dilantik semula atas menang tanpa bertanding. Ketiga-tiganya akan kekal untuk tempoh tiga (3) tahun akan datang. Terima kasih kepada semua perwakilan individu dan proksi koperasi anggota yang hadir dan semua kakitangan yang terlibat bagi menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-62 Koperasi MCIS Berhad.

Disediakan oleh:

Thilaga Pariasamy
Pencatat Minit

Disemak oleh ;

En Balasupramaniam Ramanaidu
Setiausaha

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT PENENTUSAHAN MINIT
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KOPERASI MCIS BERHAD YANG KE 62.

TARIKH/HARI : 10hb SEPTEMBER 2025 (RABU)
JAM : 2.00 PETANG
TEMPAT : BILIK DATO' N.A. KULARAJAH
KOPERASI MCIS BERHAD,
TINGKAT MEZZANINE TOWER 1 WISMA MCIS
JALAN BARAT 46200 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1	YB Dr GUNARAJAH R.GEORGE	PENGERUSI	
2	EN. THANKARAJOO SUBRAMANIAM	TIMBALAN PENGERUSI	
3	EN. BALASUPRAMANIAM RAMANAIDU	SETIAUSAHA	
4	EN. VENKATASAL RAO NOOKAIAH	BENDAHARI	
5	EN.CHELLANDY A/L C. LETCHUMANAN	PROKSI KOPERASI	
6	EN.ABDUL FADZIL BIN HUSSIN	PROKSI KOPERASI	
7	EN.MAWARDI BIN NAYAN	PROKSI KOPERASI	
8	EN.VIJAYASURIAR A/L KANAPATHI PILLAI	PROKSI KOPERASI	
9	EN.ADNAN BIN AWANG	PROKSI KOPERASI	
10	SANNI BABU A/L THEMUDOO	PERWAKILAN INDIVIDU	

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN PROKSI KOPERASI KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 62 KOPERASI MCIS BERHAD BERTARIKH 23 OGOS 2025

BIL	NAMA KOPERASI	NAMA PROKSI
1	KOPERASI NLFCS BERHAD	DATUK SAHADIVANAIDU A/L BALIAH
2	KOPERASI KOSWIP MALAYSIA BERHAD	DATO' KHAIRUL WALID BIN MOHAMED
3	KOPERASI NESA PELBAGAI BERHAD	DATO SHASHI KUMAR A/L PALANIYAPPAN
4	KOPERASI KREDIT PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA BERHAD	MACHAP A/L MUTHU
5	KOPERASI VISAKHA KULIM KEDAH BERHAD	VENKATASAL RAO A/L NOOKAIAH
6	KOPERASI JAYADIRI MALAYSIA BERHAD	DATUK GOH AH LING
7	KOPERASI DOKTOR MALAYSIA BERHAD	DR JEYABALAN A/L A NADARAJAH
8	KOPERASI WARISAN PULAU CAREY BERHAD	PREVIN KUMAR A/L PALANIYAPPAN
9	KOPERASI PERDANAJAYA MALAYSIA BERHAD	S AHLAIMUNIANDY
10	KOPERASI YATRA HINDU MALAYSIA BERHAD	BALASUNDARAM A/L KUMARASAMY
11	KOPERASI KERETAPI BERHAD	VADIVELU A/L PERUMAL
12	KOPERASI PEKERJA-PEKERJA SYARIKAT INSURAN BERHAD	MUNIANDY A/L GOLANDRAN
13	KOPERASI CAKRA MAS SEREMBAN BERHAD	DR JEYABALAN A/L A NADARAJAH
14	KOPERASI PERUMAHAN KUALA LUMPUR BERHAD	NAGARETHNAM A/P SITHAMBARAM
15	KOPERASI MEDIA PRIMA BERHAD	ABDUL RAHIM BIN LLIN
16	KOPERASI GURU-GURU DTC MALAYSIA BERHAD	ADNAN BIN AWANG
17	KOPERASI BAHAU NEGERI SEMBILAN BERHAD	PAPIYAH A/L RAJAMIAN
18	KOPERASI TELUGU BERHAD	N NAGENDRARAO A/L NOKARAIU
19	KOPERASI ANGKATAN TENTERA (M) BERHAD	MOHD SHAZLEY BIN SAID
20	KOPERASI GURU-GURU KERAJAAN BERHAD	MAHAESWARREN A/L VEERASINGAM
21	KOPERASI SUJANA MALAYSIA BERHAD	RAFIDAH BINTI AHMAD KAMAL
22	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN TAIPING BERHAD	MOHD NOOR BIN MOHD YUSOFF
23	KOPERASI ANGGOTA RISDA MALAYSIA BERHAD	ZAHID AHMAD BIN ZUBER AHMAD KHAN
24	KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BERHAD (NARSCO)	SHAMSUL BIN HJ. MAZELAN
25	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (KOSPEK) HILIR PERAK BERHAD	MOHAMED SHAFIE BIN ABD. KARIM
26	KOPERASI GURU-GURU SEKOLAH MALAYSIA BERHAD	TAN HEANG KHON
27	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN KUALA KANGSAR BERHAD	TUAN SYED AZRUL HAFIZ BIN SYED ABDUL AZIZ
28	KOPERASI JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA BERHAD	HASNI BIN OMAR
29	KOPERASI JAFFNESE BERHAD	CHRISTOPHER V A NICHOLAS
30	KOPERASI THANAVAISYA KUALA LUMPUR BERHAD	M.SETHURAMAN A/L R.M. MANICKAM
31	KOPERASI GURU MELAYU KELANTAN BERHAD	MOHD ROFI BIN MOHD ZAIN
32	KOPERASI SERBAGUNA PEKERJA-PEKERJA (M) BERHAD	RATHNAKUMAR THANDAPANY
33	KOPERASI RUNCAS MALAYSIA BERHAD	CHELLANDY A/L C.LETCHUMANAN
34	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAERAH KULIM BERHAD	ABDUL AZIZ BIN YAHAYA
35	KOPERASI PERUBATAN NEGERI JOHOR BERHAD	HARRYZAN BIN ABDULLAH
36	KOPERASI PERUMAHAN JAFFNESE BERHAD	PANCHACHARAM A/L P.NALLIAH
37	KOPERASI CUEPACS BERHAD	SUNDRARAJ A/L SUBRAMANIAM
38	KOPERASI GURU-GURU TAMIL NEGERI SEMBILAN BERHAD	JEGANATHAN A/L GANESAN

KOPERASI MCIS BERHAD

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN PROKSI KOPERASI KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 62 KOPERASI MCIS BERHAD BERTARIKH 23 OGOS 2025

BIL	NAMA KOPERASI	NAMA PROKSI
39	KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN BATU PAHAT BERHAD	IBRAHIM BIN MARLAN
40	KOPERASI ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN BERHAD	MURUGAN A/L SINNIAH
41	KOPERASI PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD	MOHD ROSLAN BIN KAMARUDIN
42	KOPERASI REL NASIONAL BERHAD	MOHAMAD RADZAMI BIN ABDUL RAHMAN
43	KOPERASI PEKERJA JAYA BERHAD	GOPALA KRISHNAN A/L V SUBRAMANIAM
44	KOPERASI KONSUMER MALAYSIA BERHAD	THIRUMANICKAM A/L MANICKAM PILLAI
45	KOPERASI PERUMAHAN DAN PENGANGKUTAN TAIPING BERHAD	SUNDRAMRAJI A/L PONNUSAMY VALLU
46	KOPERASI SERBAGUNA NUT BERHAD	VIJAYASURIAR A/L KANAPATHI PILLAI
47	KOPERASI PASARAYA MALAYSIA BERHAD	M.NASIR BIN RAMLI
48	KOPERASI KTMB IPOH BERHAD	ANANTHARAJAH A/L PERIASAMY
49	KOPERASI GURU-GURU MELAYU KUALA KANGSAR & HULU PERAK BERHAD	MOHD JAMAAI BIN AHMAD
50	KOPERASI BERSEKUTU PULAU PINANG BERHAD	ABD RAHMAN BIN BAKAR
51	KOPERASI PEGWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD	HAJI ISHAK BIN HUSSAIN
52	KOPERASI KOPEMA BERHAD	NASRI BIN RAWI
53	KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA BERHAD	MARSITAH BINTI OTHMAN
54	KOPERASI PEKERJA-PEKERJA HOSPITAL BAHAGIA ULU KINTA BERHAD	ROHAIZAT BIN HASHIM
55	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN MALAYSIA BERHAD	PUAN LAILA BINTI MOHAMMAD KAMARUDDIN
56	KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN DAERAH JOHOR BHARU BERHAD	MOHD FADZLI BIN IBRAHIM
57	KESATUAN KOPERASI MIDLAND BERHAD	MARIAPPAN A/L SEMALAI
58	KOPERASI PERUMAHAN IPOH BHARU BERHAD	GOVANDASAMI A/L KASI
59	KOPERASI MERCANTICE IPOH BERHAD	SUKUMARAN A/L P.A. SUNKUNIY
60	KOPERASI PEKERJA-PEKERJA MELAYU KERAJAAN NEGERI KELANTAN BERHAD	MUHAMAD BIN YAACOB
61	KOPERASI KEBANGSAAN PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERHAD	MD SHAIFUL BAHARI BIN MOHD NOOR
62	KOPERASI GURU-GURU MELAYU MUAR BERHAD	ABDUL FADZIL BIN HUSSIN
63	KOPERASI KREDIT RAKYAT BERHAD	NAGAPPAN A/L PERUMAL
64	KOPERASI SERBAGUNA PERTANIAN PERUSAHAAN KEMAJUAN BERHAD	VEGABALAN A/L ADIKALAM
65	KOPERASI KHALSA MALAYSIA BERHAD	SARAN SINGH A/L PHAN SINGH
66	KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI MELAYU JABATAN PERTANIAN BERHAD	AHMAD NAZRI BIN ABDULLAH ZAWAWI
67	KOPERASI BUMIPUTERA KEDAH BERHAD	MAWARDI BIN NAYAN
68	KOPERASI PEMBANGUNAN GENERASI BARU MALAYSIA BERHAD	PRAKASH A/L MATHIAZHKAN
69	KOPERASI PEKERJA KOMAMWEL BUTTERWORTH BERHAD	MAGESWARAN A/L ALEXANDRA
70	KOPERASI PERKASA MALAYSIA BERHAD	MOHD SHAPIE BIN IDRIS

SENARAI PERWAKILAN INDIVIDU KOPERASI MCIS BERHAD KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2024/2025

BIL	NAMA WAKIL	NEGERI
1	Puan Rosnita binti Mohd Salleh	Kelantan
2	Encik Abdul Razak bin Ahmad	Terengganu
3	Encik Kumar a/l Ragavan	Pahang
4	Encik Ramasamy a/l Supperayan	Pahang
5	Encik Lachumanam a/l Govindan	Selangor
6	Encik Kalyana Kumar a/l Nadarajah	Selangor
7	Encik Sanni Babu a/l Themudoo	Selangor
8	Encik Gsangaya a/l Sannasi	Selangor
9	Encik Sevanesan a/l Nagappan	Selangor
10	Encik Kamalanathan a/l R.Ramanathan	Kuala Lumpur (W.P)
11	Encik Kanakaraj a/l Subramaniam	Kuala Lumpur (W.P)
12	Encik Loganathan a/l Vello	Kuala Lumpur (W.P)
13	Encik Rabeè @ Ravin a/l Marimuthu	Kuala Lumpur (W.P)
14	Encik Sundram a/l M.Subramaniam	Kuala Lumpur (W.P)
15	Encik Marimuthu a/l Munusamy	Johor
16	Encik Shamugam a/l Munisamy	Johor
17	Encik K.Balraj a/l Kuppu	Melaka
18	Dr Belinda Marie Balraj a/p K.Balraj	Melaka
19	Puan Audrey Ann Balraj	Melaka
20	Puan Jesinta Agnus a/p A.M. Gabriel	Melaka

SENARAI PERWAKILAN INDIVIDU KOPERASI MCIS BERHAD KE MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2024/2025

BIL	NAMA WAKIL	NEGERI
21	Encik James Reed a/l Innas Muthu	Melaka
22	Encik Balachandran a/l Sundraman	Negeri Sembilan
23	Encik Kristummoonthy a/l P.Arumugam	Negeri Sembilan
24	Encik Mahinder S.Monacha a/l Surjit Singh	Negeri Sembilan
25	Encik Kesavan a/l Saundarajoo Naidu	Kedah
26	Encik Devatathan a/l Mariyappan	Kedah
27	Encik Manickam a/l Alagappan	Pulau Pinang
28	Encik Gopallu a/l Ramasamy	Pulau Pinang
29	Dr Manoharan a/l Cheria Kannan	Pulau Pinang
30	Dr Rajaveloo a/l S.Murugiah	Pulau Pinang
31	~~Puan Susila a/p Kamarovello~~	~~Pulau Pinang~~
32	Encik Sukumaran a/l Karuppiah Pillai	Perak
33	Encik Subramaniam a/l Karuppanan	Perak
34	Encik Nadarajah a/l Nallan	Perak
35	Encik Manikam a/l Sinnappen	Perak
36	Encik Krishnan a/l Appanu	Perak
37	YB Dr Gunarajah a/l R.George	ALK / Selangor
38	Dr Letchumanan a/l Amaippen	ALK / Selangor
39	Encik Balasupramaniam a/l Ramanaidu	ALK / Selangor

Lampiran A

KOPERASI MCIS BERHAD
Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer Koperasi MCIS Berhad

1.0 Tajuk

1.1 Kumpulan Wang ini dinamakan **'KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER'** Koperasi MCIS Berhad.

2.0 Tafsiran

2.1 Di dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :-

"Akta" ertinya Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa;

"Undang-undang Kecil" ertinya Undang-undang Kecil Koperasi MCIS Berhad

"Aturan" ertinya aturan-aturan modal syer yang dibuat oleh Lembaga dari semasa ke semasa bagi melaksanakan mana-mana aktiviti yang dijalankan

"Penebusan" ertinya menggantikan semula modal syer yang dikeluarkan

3.0 Tujuan

3.1 Kumpulan ini diadakan untuk menebus semula modal syer anggota koperasi yang dikeluarkan disebabkan terhenti menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi 21 (1) & 22 (1)

4.0 Modal dan Punca Kewangan

(1) Peruntukan dari keuntungan koperasi ini yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan mengikut undang-undang kecil 66(1)

(2) Sumber/Perolehan dana daripada pembahagian keuntungan bersih koperasi bagi setiap tahun kewangan sebanyak RM1 juta (Ringgit Malaysia Satu Juta)

(3) Pulangan dari pelaburan wng ini dilaburkan dalam saham-saham swasta atau awam, Bon-bon kerajaan atau mana-mana bank dan institusi kewangan yang berdaftar/berlesen

(4) Lembaga berkuasa menggunakan lain-lain sumber kewangan apabila perlu bagi mengukuhkan kewangan bagi tujuan ini.

5.0 Pengurusan

5.1 Kumpulan wang ini akan dikelolakan oleh Anggota Lembaga/Pengurusan yang diberikuasa oleh Lembaga Koperasi MCIS Berhad.

6.0 Kelayakan Penebusan

(1) Jika seseorang anggota yang terhenti keanggotaanya mengikut Undang-Undang Kecil Koperasi 21(1) dan pemindahan tidak dapat dibuat menurut Undang-Undang Kecil Koperasi 59, maka syer-syer yang diperihalkan di dalam Undang-Undang Kecil itu bolehlah ditebus oleh Koperasi.

(2) Syer-syer boleh ditebus hanya dari Kumpulan Penebusan Syer setelah pembahagian Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada peraturan. Nilai tebusan syer-syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi Koperasi itu akan tetapi tidaklah boleh melebihi nilai asalnya.

7.0 Tahun Kewangan

7.1 Tahun kewangan kumpulan wang bermula pada Satu haribulan Januari sehingga Tiga Puluh Satu Disember bagi setiap tahun.

8.0 Pindaan Kepada Aturan

(1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-undang Kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.

(2) Lembaga Koperasi ini dengan Persetujuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan kumpulan wang ini.

Diakui Aturan ini telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi ke 62 yang diadakan pada tarikh 23 Ogos 2025.

YB Dr Gunarajah R. George	**Balasupramaniam Ramanaidu**	**Venkatasal Roa Nookaiah**
Pengerusi	Setiausaha	Bendahari

Lampiran B

RESOLUSI LEMBAGA

- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad membuat pengeluaran syer anggota dengan mengeluarkan sebahagian syer atau mengeluarkan keseluruhan syer sekiranya anggota berhenti
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad bagi Koperasi MCIS Berhad membeli syer-syer dengan harga tidak melebihi nilai syer anggota tersebut
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga mewujudkan/memperoleh sumber dana penebusan saham sebanyak 1 juta setiap tahun daripada keuntungan bersih setelah membuat pembahagian Kumpulan Wang Rizab Statutori, dividen dan cukai pendapatan
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Lembaga Koperasi MCIS Berhad melaksanakan semua perkara berkaitan dokumentasi perjanjian pindah milik, surat menyurat penenbusan syer dan lain-lain yang berkaitan.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari untuk melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara-perkara dalam apa-apa cara yang mereka rasakan perlu atau suai manfaat untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas dan untuk menandatangani semua dokumentasi yang berkaitan untuk melaksanakan dan memuktamadkan transaksi tersebut di atas.
- **BERSETUJU** memberikuasa/mandat untuk menterai Koperasi di letakkan mengikut tataurusan Koperasi, atas semua dokumentasi yang berkaitan dengan transaksi tersebut di atas.

Mesyuarat telah berbincang dan mengambil keputusan bersetuju dengan sebulat suara membenarkan Koperasi membuat pembelian syer anggota atau pindah milik syer anggota kepada Koperasi MCIS Berhad.

Mesyuarat dengan sebulat suara bersetuju atas keputusan yang diambil.
Cadangan : En. Saran Singh a/l Phan Singh, proksi Koperasi Khalsa Malaysia Berhad
Sokongan : En. Chellandy a/l C.Letchumanan (Koperasi Runcas Malaysia Berhad)

Disahkan

YB Dr Gunarajah R George	Balasupramaniam Ramanaidu	Venkatasai Rao Nookaiah
Pengerusi	Setiausaha	Bendahari

Lampiran C

Cadangan – Pindaan UUK 58 (Tambahan)

- Untuk makluman cadangan ini telah dibawa ke mesyuarat agung kawasan yang telah diadakan mengikut jadualnya. Secara keseluruhan semua perwakilan bersetuju pindaan dilaksanakan.

UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN SEBAHAGIAN
KOPERASI MCIS BERHAD

BIL	UNDANG-UNDANG KECIL ASAL	UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN (Tambahan)	Justifikasi
1	**Yuran** **58** Yuran bulanan seseorang anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya tiga puluh ringgit (RM30.00) sebulan. Seseorang anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan	**Yuran** **58** Yuran bulanan seseorang anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya tiga puluh ringgit (RM30.00) sebulan. Seseorang anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat-cermat dan pinjam-meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung perwakilan **(a) Seseorang anggota dalam koperasi ini boleh memohon untuk modal yuran dikeluarkan pada bila-bila masa**	i) Yuran adalah tanggungan dan akan meningkat untuk bayaran dividen ii) Pemulangan yuran membantu anggota-anggota yang memerlukan iii) Tiada ketetapan yuran wajib dipotong oleh seseorang anggota iv) Bayaran yuran hanya terpakai kepada anggota yang membuat pinjaman (kredit)

Lampiran 1

UCAPAN PENGERUSI DI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE 62 KOPERASI MCIS BERHAD

Selamat Pagi, Salam Sejatera dan Salam Bahagia,
Terima kasih Pengacara Majlis/Setiausaha Koperasi

Demi menzahirkan rasa hormat/bangga yang tidak terhingga bagi menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke 62, Koperasi MCIS Berhad supaya mesyuarat berjalan lancar, saya sangat mengalu-alukan kehadiran Tetamu Terhormat YBrs. Dr Muhammad Razak bin Idris, Setiausaha Politik kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) bagi mewakili Yang Berbahagia Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Hj Mohd Akin, Setiausaha Politik Kanan kepada Perdana Menteri Malaysia, kami sangat berbesar hati dengan kehadiran Yang Berusaha Dr dimana inilah buat julung kalinya juga wakil daripada Jabatan Perdana Menteri Malaysia hadir dan akan merasmikan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 62, satu sejarah kepada koperasi.

Seterusnya dialu-alukan kehadiran Puan Aireen Rozita bt Murahan @ Burhan, Ketua Penolong Pengarah wakil Bahagian Audit Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Ibu Pejabat dan En. Hamni MD Dros, Pembantu Ehwal Ekonomi Tinggi SKM Wilayah Persekutuan. Sebagai sebuah Koperasi besar kami akur dan sentiasa patuh atas garis panduan dan ketetapan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai sebuah badan yang memantau kegiatan semua Koperasi termasuklah Koperasi MCIS Berhad.

Yang Berbahagia, Dato'-Dato', Tuan-tuan & Puan-puan serta para perwakilan Koperasi Anggota dan Anggota Individu sekelian.

Pergi kepasar mencari jagung
Jagung dibeli bersama ikan
Selamat datang ke Mesyuarat Agung
Di Negeri Melaka menjadi pilihan

Untuk julung kalinya mesyuarat agung perwakilan tahunan diadakan di Negeri Melaka Bandar bersejarah dan menjadi sejarah Koperasi MCIS Berhad buat pertama kali mengadakan mesyuarat agungnya diluar kawasan operasinya. Sebelum ini di Wisma MCIS, kemudiannya ke hotel-hotel sekitar Petaling Jaya dan sekarang melangkah jauh sedikit di Melaka. Semua ini adalah berkat usaha Lembaga, Jawatankuasa yang dilantik, pengurusan & kakitangan serta sokongan padu semua anggota-anggota dan koperasi anggota. Terima kasih dan syabas kepada semua.

Saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada semua hadirin atas pelaksanaan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Tanggungjawab ini sangat besar untuk sama-sama kita hadapi bersama demi membangunkan, meningkatkan prestasi dan mengekalkan hubungan baik antara Koperasi kepada yang lebih baik dan cemerlang setanding dengan perkembangan gerakan koperasi Malaysia.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini terlebih dahulu izinkan saya memperkenalkan barisan Lembaga Koperasi, terdiri daripada En. Thankarajoo Subramaniam selaku Timbalan Pengerusi, En. Balasupramaniam Ramanaidu selaku Setiausaha, En. Venkatasal Rao Nookaiah selaku Bendahari, Dr Letchumanan Amaippen selaku Jawatankuasa Kerja (EXCO) dan Anggota Lembaga terdiri Dato' Shashi Kumar Palaniyappan, Datuk Goh Ah Ling, En. Balsundaram Kumarasamy dan Dato' Khairul Walid Mohamed. Seterusnya barisan Pengurusan Koperasi terdiri En. Sri Ram Mookiah, Pegawai Khas Lembaga, En. K.Manimaran Krishnan, Penolong Pengurus Besar dan Pn Thilaga Pariasamy, Pengurus Operasi serta semua kakitangan Koperasi. Terima kasih atas persediaan mesyuarat agung hari ini dan kerjasama dalam menjayakan mesyuarat dan dapat berjalan dengan lancar.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Selaku Pengerusi Koperasi, saya akan membentangkan perkembangan terkini dan cabaran-cabaran yang di hadapi dan penyelesaian yang akan diatasi. Pihak kami telah mengambil langkah dengan mengurangkan perbelanjaan seperti Lembaga telah bersetuju mengurangkan belanja operasi dan pentadbiran antara 20% hingga

30%, terutamanya penyelenggaraan bangunan. Koperasi sentiasa mencari peluang untuk menambah pendapatannya.

Cabaran Pertama - Koperasi masih kekal dengan aktiviti utama iaitu pelaburan dalam perniagaan insuran.di MCIS Life (MCIS Insurance Berhad) dengan pegangan saham sebanyak 44% berjumlah RM66,142,541.71. Dalam tempoh pelaburan tersebut dari tahun 2012 hingga tahun 2022 koperasi telah menerima keseluruhan dividen daripada MCIS adalah sebanyak RM166 juta dan bayaran dividen dibayar kepada anggota koperasi adalah sebanyak RM85.7 juta.

Perniagaan insuran am dengan pegangan ekuiti 15% dalam Pacific Insurance Berhad dari 2016 – hingga kini hanya memperoleh dividen sebanyak RM3.5 juta di bayar pada tahun 2021. Dalam mesyuarat agung yang lepas mesyuarat sebulat suara bersetuju melepaskan pengangan ekuiti tersebut tetapi hingga hari ini tiada perkembangan berkaitan penjualan saham dapat dilaksanakan. Koperasi perlu mendapatkan kelulusan Bank Negara bagi mencari rakan kongsi yang baru.

Cabaran yang dihadapi untuk tempoh 2 tahun kebelakangan ini adalah sangat tidak memberansangkan disebabkan tiada dividen dibayar daripada kedua-dua pelaburan diatas. Walau bagaimanapun Koperasi sentiasa berusaha dan sentiasa mengadakan perbincangan mengenai kedudukan kedua-dua pelaburan tersebut. Perjumpaan antara SANLAM dan Ketua Pegawai Eksekutif. MCIS Life sering diadakan. Koperasi juga berusaha mendapatkan baki wang tahanan (security deposit) sebanyak RM12.17 juta daripada MCIS & Sanlam. Hasil perbincangan SANLAM bersetuju membuat bayaran dalam tempoh terdekat. Itulah cabaran yang dihadapi oleh koperasi, saya percaya cabaran ini dapat diatasi. Bagi Lembaga tiada istilah lepas tangan begitu sahaja.

Cabaran Kedua Pembelian Hartanah Wisma MCIS Petaling Jaya (Annexe, Tower 1 & Tower 2) & Hartanah Sg. Choh.

- Koperasi membuat pelaburan sebanyak RM113 9 juta yang mana sebahagian dana adalah daripada pinjaman (term loan) melalui Maybank Berhad sebanyak RM 45 juta dan sebahagian lagi melalui Skim Simpanan Khas (SSK) yang ditawarkan kepada semua anggota Koperasi.

- Wisma ini adalah hakmilik mutlak Koperasi MCIS Berhad
- Pendapatan yang dijana daripada sewa adalah sebanyak RM580,000.00 dengan pendapatan tersebut kita dapat membayar balik ansuran pinjaman kepada Maybank Berhad
- Dalam usaha menambahkan pendapatan, Lembaga sedang berusaha mempertingkatkan ruangan sewa berpenghuni kepada 90%. Untuk makluman sehingga kini koperasi berjaya menyewa ruang pejabat yang berpenghuni/disewa kepada 88% meningkat sebanyak 8% daripada 80% sebelum ini.
- Terdapat dua (2) rumah kedai (Annexe) dan beberapa ruang pejabat di Tower 1 dan 2 masih kosong. Mohon anggota atau koperasi anggota war-warkan kepada saudara, sahabat atau orang awam.
- Penyewa utama adalah MCIS Life, Qosmo International School, Pacific Insurance Berhad, Anytime Fitness dan agensi-agensi insurance
- Saya juga ingin memaklumkan bahawa nilai pasaran semasa Wisma Koperasi ini telah meningkat kepada RM140 juta dan dengan pembangunan PJ Sentral dipersekitaran Wisma Koperasi, nilaian dijangka akan terus meningkat.
- Pelaburan hartanah seluas lebih kurang 5 ekar di Sg. Choh, Serendah yang dibeli pada tahun 2016 dengan pembelian sebanyak RM6.4 juta masih tiada perkembangan dan hak milik hartanah tersebut daripada MCIS Development telah dipindah milik kepada Koperasi MCIS Berhad untuk tujuan pinjaman bercagar melalui Tabung Modal Pusingan SKM. Dengan pinjaman tanpa faedah koperasi dapat menyelesaikan tanggungan seperti pemulangan SSK
- Selain itu, koperasi turut memperoleh pendapatan tambahan sebanyak RM35,000.00/sebulan daripada sewa ruang pakir kereta

Cabaran Ketiga adalah Skim Simpanan Khas, dana yang dikumpul untuk pelaburan dalam pembelian saham MCIS dan sebahagiannya untuk pembelian hartanah Wisma Koperasi MCIS, Bangunan Pulau Pinang (telah dijual) dan hartanah Sg. Choh.

- Dana SSK dimulakan pada tahun 2014 untuk pembelian tambahan saham MCIS dan pada tahun 2017 untuk pembelian Hartanah Koperasi pada ketika itu dana dapat dikumpul sebanyak RM98.1 juta.

- Hingga hari ini koperasi telah berjaya melunaskan SSK daripada RM98.1 juta kepada RM15.6 juta. Pengurangan ini adalah satu kejayaan kepada koperasi dan dijangka baki tersebut dapat dilunaskan jika kewangan koperasi mengizinkan dan jika kekangan kewangan ketat koperasi mencadangkan SSK tersebut diteruskan untuk tempoh yang singkat.
- Berdasarkan kepada perolehan semasa dan plan strategik yang dirangka Lembaga percaya segala cabaran dapat diatasi dan Lembaga akan terus berusaha untuk menyelesaikan tanggungan Skim Simpanan Khas (SSK) dan bayaran pinjaman di Maybank. Demikian sedikit gambaran dan cabaran yang dihadapi untuk dikongsikan bersama

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Seterusnya cabaran yang dihadapi oleh Koperasi adalah tanggungan semasa (current liability) iaitu Skim Simpanan Khas (SSK), pengumpulan dana daripada anggota bagi membantu koperasi membeli Wisma Koperasi. Koperasi telah berjaya menjelaskan faedah pinjaman mengikut jadual dan untuk tahun hadapan dijangka penyelesaian baki SSK sebanyak 15 juta juga dapat dilaksanakan. Lembaga ada menerima cadangan daripada pendeposit minta diteruskan, walau bagaimanapun perkara ini masih belum diputuskan, jika diteruskan kemungkinan untuk tempoh satu lagi.

Cabaran lain adalah pelaburan dalam Pacific Insurance Berhad, sejak daripada tahun 2016 tiada dividen dibayar kecuali pada tahun lepas (2021), Koperasi menerima dividen sebanyak RM3.5 juta itupun dengan campur tangan Lembaga Koperasi dengan memohon kepada Bank Negara pengurangan nisbah modal (capital ratio). Dividen tahun ini tidak dibayar. Dimaklumkan untuk jangka masa panjang Koperasi tidak boleh terus bergantung harap kepada Bank Negara, sebaliknya berdasarkan mandat yang diberi oleh Mesyuarat Agung yang lepas Koperasi dibenarkan meiupuskan saham dalam Pacific Insurance Berhad. Koperasi telah melantik syarikat perunding bagi menguruskan penjualan saham tersebut, penjualan hanya kepada syarikat local tetapi perkara ini masih dalam peringkat

rundingan, demikian cabaran yang dihadapi Koperasi. Koperasi masih berusaha menjual pegangan saham dalam Pacific,

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Selain itu, Koperasi juga berhadapan dengan masalah penyelenggaraan bangunan yang tinggi dan memerlukan kerja baik pulih dengan segera bagi memberi keselesaan kepada penyewa-penyewa yang menyumbang pendapatan kepada Koperasi.

Demikian sedikit sebanyak cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Koperasi, secara amnya operasi dan urustadbir koperasi adalah berjalan lancar dan seperti yang telah dirangka dalam plan strategi dan dalam urusan urus tadbir pihak Lembaga sentiasa berhati-hati dalam perbelanjaan disamping tujuan utama Anggota Lembaga adalah memberi khidmat yang terbaik kepada semua anggota Koperasi.

Dato', Tuan, Puan yang dihormati sekalian,

Koperasi MCIS Berhad amnya sangat terhutang budi kepada kehebatan Dato' N.A.Kularajah yang menubuhkan dan membangunkan Koperasi ini dan seorang lagi Professor Diraja Ungku Abdul Aziz Abdul Hamid yang membawa gerakan Koperasi di Malaysia ke peringkat antarabangsa. Kedua-dua orang ini jasanya tidak terhingga dan dikenang sebagai tokoh hebat dalam gerakan Koperasi di Malaysia.

Koperasi telahpun mengadakan majlis memperingati sumbangan hebat Dato' NA Kularajah pada tahun 2023 dan diikuti memperingati sumbangan mantan-mantan Pengerusi/Anggota Lembaga dan tokoh-tokoh agensi yang membangunkan dan berkerja keras hingga koperasi kekal kukuh hingga hari ini.

Dato-Dato, Tuan dan Puan yang dihormati sekelian.

Sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua perwakilan dan proksi Koperasi yang hadir dari seluruh negeri di Malaysia hari ini bagi menjayakan mesyuarat agung perwakilan tahunan ke 62 Koperasi MCIS Berhad.

Lampiran 1

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YBrs. Dr Muhammad Razak bin Idris, Setiausaha Politik kepada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pn. Aireen Rozita bt Murahan @ Burhan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Audit,SKM ibu pejabat dan En. Hamni Mat Dros Pembantu Ehwal Ekonomi Tinggi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan yang telah ada bersama kita dari awal pagi, tidak lupa juga kepada SKM yang banyak membantu koperasi dengan memberi buah fikiran, memandu arah, memberi idea-idea demi sama-sama membangunkan Koperasi. Baru-baru ini Koperasi MCIS Berhad telah menerima Anugerah dikedudukan ke 9 terbaik daripada 50 koperasi Wilayah Persekutuan dan tempat 11 Koperasi terbaik dalam senarai 100 koperasi terbaik di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

YB Dr Gunarajah R.George
Pengerusi

AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2025
GALERI GAMBAR - JAMUAN MAKAN MALAM





















AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2025

GALERI GAMBAR - MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-62



















AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2025
GALERI GAMBAR - MESYUARAT KAWASAN 2026/2027



















AKTIVITI KOPERASI MCIS BERHAD 2025
GALERI GAMBAR - "FIRE DRILL 2025"
DAN PELAN STRATEGIK 2026














LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2025

Koperasi dengan ini membentangkan Laporan Lembaga bagi tahun 2025

KEGIATAN / AKTIVITI KOPERASI

Aktiviti utama Koperasi MCIS Berhad adalah sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan dengan pegangan saham sebanyak **44.39%** dalam MCIS Life, sebuah syarikat bersekutu yang menjalankan perniagaan insurans hayat. Selain itu, Koperasi turut mempunyai pegangan saham sebanyak **15%** dalam Pacific Insurance Berhad yang menjalankan perniagaan insurans am.

Sejak tahun 2018, Koperasi turut menjalankan aktiviti pengurusan dan penyewaan ruang pejabat serta pengurusan tempat letak kereta di Wisma MCIS. Hartanah Wisma MCIS yang diperoleh pada harga **RM110,000,001.00** merupakan salah satu aset strategik Koperasi. Pemerolehan hartanah tersebut dibiayai melalui dana Skim Simpanan Khas (SSK) serta pembiayaan pinjaman daripada Maybank Berhad. Pendapatan sewaan diperoleh daripada penyewa utama iaitu MCIS Life, Pacific Insurance Berhad, agensi-agensi insurans serta penyewa korporat yang lain.

Sepanjang tahun kewangan 2025, Koperasi telah berjaya memperkukuhkan prestasi penyewaan bangunan melalui pelbagai inisiatif strategik bagi mengoptimumkan penggunaan ruang komersial di Wisma MCIS. Kadar penghunian meningkat kepada **85%** sekali gus mencerminkan keberkesanan usaha Koperasi dalam memaksimumkan potensi aset hartanah yang dimiliki.

Peningkatan kadar penghunian ini turut memberi impak positif kepada prestasi kewangan Koperasi apabila pendapatan sewaan bagi tahun kewangan 2025 meningkat berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut didorong oleh kejayaan menarik penyewa baharu, mengurangkan ruang kosong serta mengoptimumkan hasil daripada aset hartanah sedia ada.

Antara pencapaian utama ialah kemasukan penyewa baharu seperti Anytime Fitness serta pembangunan Pickleball Court di ruang bumbung (rooftop) Level 3 antara dua bangunan Wisma MCIS. Transformasi ruang tersebut bukan sahaja berjaya mengoptimumkan penggunaan aset sedia ada, malah turut mewujudkan sumber pendapatan baharu kepada Koperasi melalui perjanjian perkongsian keuntungan (*profit sharing*) di samping pendapatan sewaan tetap sebanyak RM5,000 sebulan.

Kehadiran penyewa baharu ini turut meningkatkan aktiviti di Wisma MCIS, sekali gus menyumbang kepada pertambahan penggunaan tempat letak kereta. Pendapatan parkir bagi tahun kewangan 2025 meningkat sebanyak **30%** berbanding tahun 2024 hasil daripada peningkatan penggunaan parkir, pertambahan aktiviti di bangunan serta langkah penambahbaikan pengurusan parkir yang dilaksanakan oleh Koperasi.

Bagi mempertingkatkan kecekapan operasi, Koperasi telah melaksanakan sistem License Plate Recognition (LPR) sebagai sebahagian daripada usaha pendigitalan pengurusan tempat letak kereta. Pelaksanaan sistem ini, bersama semakan kadar parkir, telah meningkatkan kecekapan pemantauan dan kawalan operasi parkir, di samping menyokong pertumbuhan hasil parkir Koperasi.

Selain pengurusan hartanah, Koperasi turut menjalankan aktiviti pelaburan dalam syer tersenarai dan syer tidak tersenarai sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan portfolio pelaburan. Keseluruhan aktiviti perniagaan dan pelaburan yang dijalankan telah menyumbang kepada pertumbuhan

pendapatan Koperasi serta mengukuhkan kedudukan kewangan bagi memastikan kelestarian dan penciptaan nilai jangka panjang kepada anggota.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah strategik yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan 2025 telah berjaya meningkatkan nilai aset hartanah Koperasi, mengoptimumkan penggunaan ruang komersial, memperkukuhkan kecekapan operasi serta mewujudkan sumber pendapatan yang lebih mampan demi kepentingan anggota.

Koperasi MCIS Berhad juga telah menerima bayaran penyelesaian akhir berjumlah RM13,210,012.00 pada tahun 2025 berhubung dengan deposit sekuriti yang timbul daripada Perjanjian Pemindahan Perniagaan (Business Transfer Agreement) antara MCIS Insurance Berhad dan Pacific Insurance Berhad pada tahun 2016. Jumlah yang diterima, termasuk faedah terkumpul ke atas deposit sekuriti tersebut, telah dibayar oleh pemegang saham majoriti, Sanlam Emerging Markets Proprietary Limited, bagi pihak MCIS Insurance Berhad dan merupakan penyelesaian muktamad bagi hak Koperasi MCIS Berhad di bawah perjanjian yang telah di buat pada 03 October 2025

PERKEMBANGAN SEMASA -SKIM SIMPANAN KHAS

Skim Simpanan Khas masih diteruskan untuk tempoh satu tahun lagi sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Koperasi dalam memperkukuhkan kedudukan kewangan serta menyelesaikan tanggungan sedia ada. Berdasarkan pelan strategik yang telah dirangka, Koperasi telah berjaya mengurangkan jumlah tanggungan daripada RM16.3 juta pada tahun 2024 kepada RM15.4 juta pada tahun kewangan 2025. Pencapaian ini menunjukkan komitmen Koperasi dalam melaksanakan langkah-langkah pengurusan kewangan yang berhemah serta memastikan tanggungan dapat diselesaikan secara teratur mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Skim Simpanan Khas ini telah diperkenalkan pada tahun 2018 bagi tujuan membiayai pembelian **Wisma MCIS**, dengan jumlah keseluruhan simpanan yang diterima daripada anggota berjumlah **RM83 juta**. Sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini, Koperasi telah berjaya melaksanakan pembayaran balik secara berperingkat kepada anggota. Sehingga tahun kewangan **2025**, sejumlah **RM68 juta** telah dibayar balik kepada anggota, sekali gus mengurangkan baki tanggungan Skim Simpanan Khas kepada **RM15.4 juta**.

Koperasi sentiasa bersedia mengorak langkah dengan merangka pelan strategik yang lebih berkesan bagi memastikan penyelesaian baki tanggungan dapat dicapai dalam tempoh yang dirancang, di samping mengekalkan kestabilan kewangan dan melindungi kepentingan anggota.

PEMBAHAGIAN DIVIDEN

Lembaga mencadangkan pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 sebanyak **6%** ke atas baki modal saham biasa dan saham bonus. Walaupun Koperasi mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi, Lembaga berpendapat bahawa adalah wajar untuk mengekalkan sebahagian daripada lebihan tunai bagi memperkukuhkan kedudukan aliran tunai Koperasi serta memastikan kemampuan pembayaran dividen yang mampan pada masa hadapan. Cadangan pembayaran dividen ini adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

1. Sumbangan Tunai kepada Anak-anak Anggota yang Cemerlang dalam Akademik

Koperasi terus komited melaksanakan tanggungjawab sosial korporat melalui pemberian sumbangan tunai kepada anak-anak anggota yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM, STPM dan Matrikulasi.

Program ini merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan dengan kerjasama MCIS Life, di mana MCIS Life bertindak sebagai penyumbang utama bagi menjayakan program penghargaan kepada anak-anak anggota yang cemerlang dalam bidang akademik.

Sepanjang tahun 2025, seramai **9 orang anak anggota** telah menerima sumbangan di bawah program ini sebagai tanda penghargaan atas pencapaian akademik mereka serta sebagai galakan untuk terus mencapai kecemerlangan dalam pelajaran.

2. Perlindungan Insurans kepada Anggota

Koperasi turut meneruskan penyediaan manfaat perlindungan insurans kepada anggotanya melalui dua fasa seperti berikut yang tealh dilancarkan pada tahun 2024.

Fasa 1 – Perlindungan kepada Anggota Lembaga (Proksi Koperasi) dan Anggota Individu yang hadir sebagai Perwakilan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan *(tertakluk kepada terma dan syarat)*:

- Faedah kematian akibat kemalangan – RM10,000.00
- Faedah kecacatan kekal akibat kemalangan – RM10,000.00
- Faedah pengurusan jenazah akibat kemalangan – RM2,000.00

Fasa 2 – Khairat Kematian, Perlindungan Insurans dan Manfaat Penyakit Kritikal Kepada semua anggota individu.

- A) Perlindungan Insurans Kemalangan

  Anggota Individu diberi perlindungan di bawah Polisi Berkumpulan Pacific Insurance Berhad dengan kadar premium RM10.00 seorang daripada potongan dividen. Manfaat yang disediakan adalah seperti berikut:

- Faedah kematian akibat kemalangan – RM10,000.00
- Faedah kecacatan kekal akibat kemalangan – RM10,000.00
- Elaun tunai hospital akibat kemalangan atau penyakit – RM25.00 sehari bagi tempoh maksimum 30 hari
- Faedah khairat kematian akibat kemalangan – RM1,500.00
- Kelayakan umur: 18 hingga 80 tahun

  B) Tabung Amanah Dato' NA Kularajah

Dana yang dikumpulkan melalui potongan dividen anggota sebanyak RM10.00 digunakan bagi menyediakan manfaat berikut kepada Anggota Individu:

- Khairat kematian biasa (pengurusan jenazah) – RM1,500.00
- Bantuan sekali sahaja (one-off) bagi penyakit kritikal – RM1,000.00, tertakluk kepada pengemukaan bil asal semasa tuntutan.

Penyakit kritikal yang layak menerima bantuan adalah:

- Angin ahmar (strok)
- Kanser (semua kategori)
- Penyakit jantung, paru-paru, pembedahan injap jantung dan pintasan arteri koronari
- Kegagalan buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis

Nota: Sekiranya kematian anggota berpunca daripada penyakit kritikal dan bantuan sekali sahaja sebanyak RM1,000.00 telah dibayar, baki khairat kematian yang layak diterima adalah sebanyak RM500.00.

Sepanjang tahun 2025, seramai 14 orang anggota telah menerima manfaat Khairat Kematian Biasa, manakala 2 orang anggota telah menerima bantuan Penyakit Kritikal di bawah Tabung Amanah Dato' NA Kularajah.

Perkembangan Kes Rayuan Govindarajoo a/l G. Arumugam

Pada tahun 2025, Koperasi MCIS Berhad telah menerima perkembangan lanjut berhubung kes rayuan yang difailkan oleh Encik Govindarajoo a/l G. Arumugam terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada 8 Mei 2025, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, YA Ahmad Kamal bin Md Shahid, telah mengeluarkan Alasan Penghakiman (Grounds of Judgment) berhubung perkara tersebut. Selepas pengeluaran Alasan Penghakiman tersebut, pihak Perayu telah memfailkan Supplementary Record of Appeal sebagai sebahagian daripada proses rayuan. Satu Pengurusan Kes (Case Management) telah dijalankan pada 12 Ogos 2025 melalui sistem e-Review di Mahkamah Rayuan. Semasa pengurusan kes tersebut, Mahkamah telah memberikan arahan berkaitan persediaan dokumen rayuan dan menetapkan tarikh pendengaran rayuan.

Pihak peguamcara Koperasi memaklumkan bahawa berdasarkan penelitian terhadap Alasan Penghakiman Mahkamah Tinggi, keputusan tersebut adalah memihak kepada Koperasi. Peguamcara turut berpandangan bahawa peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi, Akta Koperasi dan Peraturan-Peraturan berkaitan akan menjadi asas penting dalam mempertahankan kedudukan Koperasi dalam prosiding rayuan tersebut. Selanjutnya, pihak Koperasi dimaklumkan bahawa pendengaran rayuan telah ditetapkan pada 14 April 2026 di Mahkamah Rayuan Malaysia. Sehingga 31 Disember 2025, kes tersebut masih dalam proses rayuan dan Koperasi akan terus memantau perkembangan perkara ini melalui peguamcara yang dilantik.

Perkembangan Kes pada Tahun 2026

Pada 14 April 2026, pendengaran rayuan telah berlangsung di Mahkamah Rayuan Malaysia berhubung rayuan yang difailkan oleh Encik Govindarajoo a/l G. Arumugam terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Selepas mendengar hujahan daripada pihak-pihak yang terlibat serta meneliti rekod rayuan dan dokumen berkaitan, Mahkamah Rayuan telah membuat keputusan untuk menolak rayuan yang dikemukakan oleh Perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memihak kepada Koperasi MCIS Berhad.

Mahkamah Rayuan turut memerintahkan supaya pihak Perayu membayar kos sebanyak RM30,000.00 kepada Koperasi MCIS Berhad berhubung prosiding rayuan tersebut.

Dengan keputusan tersebut, Koperasi MCIS Berhad telah berjaya mempertahankan kedudukan dan keputusan yang telah dibuat di peringkat Mahkamah Tinggi. Pihak Koperasi akan mengambil tindakan susulan yang bersesuaian berhubung pembayaran kos yang telah diperintahkan oleh Mahkamah serta terus memantau sebarang perkembangan lanjut melalui peguamcara yang dilantik.

KEANGGOTAAN

Setakat 31hb Disember 2025 keanggotaan adalah seperti berikut :

i. Anggota Individu : 5701 orang
ii. Koperasi Anggota : 110 buah Koperasi

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

Koperasi MCIS Berhad sentiasa memberi keutamaan dalam memperkukuhkan aspek pentadbiran dan pengurusan selaras dengan program serta pelan strategik yang telah dirangka. Pihak pengurusan akan terus berusaha melaksanakan segala perancangan yang telah ditetapkan bagi meningkatkan kecekapan operasi, memperkukuhkan kedudukan kewangan serta memastikan pertumbuhan Koperasi secara berterusan.

Selain itu, Koperasi sentiasa memastikan urusan pentadbiran dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi prinsip tadbir urus dan keperluan pihak berkuasa berkaitan.

Sehingga 31 Disember 2025, Koperasi MCIS Berhad mempunyai seramai sepuluh (10) orang kakitangan yang mengendalikan fungsi utama Koperasi bagi memastikan operasi harian berjalan dengan lancar.

MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2025

Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat Lembaga sebanyak tujuh (8) kali dan mesyuarat Jawatankuasa Kerja (EXCO) enam (6) kali dalam tempoh setahun.

Senarai Kehadiran Anggota Lembaga ke Mesyuarat Lembaga Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31/12/2025

NAMA	22-Feb	15-April	18-Jun	4-Ogos	15-Ogos	10-Sept	16-Oct	18 Dis	JUMLAH
YB Dr Gunarajah R.George	1	1	1	1	1	1	1	1	8
En. Thankarajoo Subramaniam	1	1	1	1	1	1	1	1	8
En. Balasupramaniam Ramanaidu	1	1	1	1	1	1	1	1	8
En. Venkatasal Rao Nookaiah	1	1	1	1	1	1	1	1	8
Dr Letchumanan Amaippen	1	1	1	1	1	1	1		7
Dato' Goh Ah Ling	1	1	1	1	1	1	1	1	8
Dato' Shashi Kumar a/l Palaniyappan			1	1	1				3
En. Balasundaram Kumarasamy	1	1	1	1	1	1	1	1	8
Dato' Khairul Walid Mohamed	1		1		1		1	1	5
Dr Jeyabalan A Nadarajah						1	1	1	3

Senarai Kehadiran Anggota Lembaga ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (EXCO) Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31/12/2025

NAMA	24-Jan	19-Mar	28-Mei	04-Sept	27-Oct	12_Dis	JUMLAH
YB Dr Gunarajah R.George	1	1	1	1	1	1	6
En. Thankarajoo Subramaniam	1	1	1	1	1	1	6
En. Balasupramaniam Ramanaidu	1	1	1	1	1	1	6
En. Venkatasal Rao Nookaiah	1	1	1	1	1	1	6
Dr Letchumanan Amaippen	1	1					2
Dato' Goh Ah Ling				1	1	1	3

Dato' Shashi Kumar a/l Palaniyappan - Gugur sebagai Anggota Lembaga / Proksi Koperasi NESA Pelbagai Bhd pada 23/08/25

Dr Jayabalan a/l Nadarajah - Di lantik sebagai Anggota Lembaga Koperasi Dalam Mesyuarat Agung pada 23/08/25

PENGHARGAAN

Pihak kami mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang sentiasa memberi sokongan, bimbingan dan kerjasama kepada Koperasi. Penghargaan juga kepada semua Anggota Lembaga, Jawatankuasa yang dilantik, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengurusan dan warga kerja Koperasi MCIS Berhad yang terlibat secara lansung dan tidak langsung.

Yang benar,

Bagi Pihak Lembaga
KOPERASI MCIS BHD

BALASUPRAMANIAM A/L RAMANAIDU
Setiausaha

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA KOPERASI
AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025
MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan yang telah diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Koperasi ialah aktiviti pelaburan dan pemberian pinjaman kepada anggota. Koperasi kekal bergiat aktif terutamanya sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan dalam MCIS Insurance Berhad yang merupakan sebuah syarikat bersekutu koperasi yang mana kegiatan utamanya adalah perniagaan insuran hayat. Koperasi juga menjalankan aktiviti pelaburan dalam hartatanah, syer siarharga, syer taksiar harga dan memberi pinjaman kepada anggota. Koperasi juga turut menjalankan aktiviti pemberian pinjaman kepada koperasi anggota dan pemberian pinjaman berjamin dengan menyediakan pinjaman kepada anggota-anggota individu yang terdiri daripada kakitangan dan agen-agen MCIS Insurance Berhad.

Bersesuaian dengan kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa :

KEPUTUSAN

	KUMPULAN RM	KOPERASI RM
Keuntungan sebelum cukai bagi tahun semasa	14,276,444.23	14,282,471.23
Caruman dan pindaan-pindaan berkanun	(2,142,370.68)	(2,142,370.68)
	12,134,073.55	12,140,100.55
Cukai	8,181.00	0.00
Dividen dicadangkan	(4,006,799.58)	(4,006,799.58)
Honorarium	(250,000.00)	(250,000.00)
Kumpulan Wang Penebusan Syer	(607,005.03)	(607,005.03)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	7,278,449.94	7,276,295.94

(a) hasil kendalian Koperasi dalam jangkamasa kewangan yang diliputi oleh Penyata Pendapatan ini tidak terjejas oleh sebarang perkara luarbiasa.

(b) pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan mengakibatkan kaedah yang diikuti untuk menilai aset dan liabiliti Koperasi yang mengelirukan atau tidak sesuai.

(c) tidak ada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang dikuatkuasa atau akan dikuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk memenuhi kewajipannya apabila sampai masanya.

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA KOPERASI (SAMBUNGAN)
AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025
MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)

(d) jumlah aset semasa boleh dihasilkan nilai seperti terdapat dalam rekod-rekod Koperasi secara urusan perniagaan biasa

(e) pembahagian berkanun diperuntukan daripada keuntungan bersih bagi tahun semasa berjumlah RM14,282,471.23 (2024 : RM21,607.79) seperti berikut:-

(i) 12% ke dalam kumpulan wang rizab Statutori
(ii) 2% ke dalam KWA pendidikan koperasi
(iii) 1% ke dalam KWA pembangunan koperasi

(f) untuk tahun kewangan semasa, Lembaga Pengarah Koperasi megusul dan megistiharkan dividen berjumlah RM4,006,799.58 (2024 : RM4,697,926.87) daripada jumlah Modal Saham Ahli Koperasi yang didaftarkan pada 30 June 2025, seperti berikut:-

(i) 6% di atas saham biasa
(ii) Nil% di atas yuran

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA KOPERASI
AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025
MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)

Kami bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang dinyata di atas, tidak ada perkara-perkara lain pada pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen (59) (3) Akta Koperasi 1993.

Bagi pihak Lembaga,

.....

YB DR GUNARAJAH A/L R. GEORGE
Pengerusi

.....

BALASUPRAMANIAM A/L RAMANAIDU
Setiausaha

.....

VENKATASAL RAO A/L NOOKAIAH
Bendahari

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh : 21 JUL 2026

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 1056
SARASWATHI
A/P MANIKAM AMN
01.08.2024-31.12.2026
MALAYSIA
NO 43. LEBUH AMPANG
50100 KUALA LUMPUR

KOPERASI MCIS BERHAD
(2144)

Kepada

Pengerusi
Anggota Lembaga Koperasi
Koperasi Anggota Dan Anggota-Anggota Koperasi MCIS Berhad

Tan Sri/ Dato'/Datuk/Datin/ Tuan/ Puan,

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2025.

Mengikut kehendak Subseksyen 42A(2) Akta koperasi 1993 dan Perkara 56(1) dalam UUK serta Garis Panduan@GP 4 SKM, kami sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi MCIS Berhad melaporkan bahawa kami telah mengaudit akaun-akaun koperasi dan pandangan kami adalah seperti berikut:

1.Kawalan Kewangan Tahun 2025

1.1 Semakan meliputi dokumen@fail penerimaan dan perbelanjaan bulanan sepanjang tahun 2025, dokumen sokongan ke atas perbelanjaan serta semakan ke atas cek cek bayaran, kami berpendapat bahawa rekod-rekod akaun dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta serta Undang-undang Kecil Koperasi telah disimpan dan diurus dengan baik.

1.2 Walau bagaimanapun susun atur bauchar -bauchar bayaran perlu lebih teratur dan sistematik.

1.3 Bagi mengurangkan penggunaan cek serta memudahkan urusan kewangan adalah disyorkan supaya "petty cash" koperasi di tingkatkan dari RM1,000.00 kepada RM 2,000.00 pada satu-satu masa.

1.4 Untuk jangka panjang adalah juga disyorkan supaya penggunaan buku cek ditamatkan dan digunakan sistem e-banker sepenuhnya,ini akan dapat menjimatkan kos serta pengurusan kewangan yang lebih lancar pada masa hadapan

2. Bantuan Khidmat Guaman

Kami berpendapat, koperasi perlu melantik beberapa firma guaman sebagai panel untuk dibuat perbandingan kos guaman yang ditawarkan untuk mengendalikan sesuatu kes pada masa hadapan.

3. Status Keanggotaan

Keseluruhan anggota Koperasi MCIS Bhd sehingga 31 Disember 2025 adalah
seperti berikut :-

Koperasi Anggota : 110 buah koperasi
Anggota Individu : 5701 orang

4. Kegiatan Utama Koperasi

4.1 Kekal terlibat dalam aktiviti pelaburan insuran hayat di MCIS Life dan insuran am di Pacific Insurance Berhad.

Tingkat Mezzanine, Tower 1, Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 603-7954 6414, 7956 1158, 7955 2650 Fax: 603-7958 2632
E-mail: koperasi.mcis@gmail.com

4.2 Selain itu Koperasi turut menceburi pelaburan dalam bidang hartanah dan mengendalikan sendiri tempat letak kereta.

Tahniah atas usaha-usaha yang dibuat,namun pelaburan dalan bidang hartanah pada masa hadapan perlu dibuat dengan lebih teliti bagi mengelakkan risiko yang besar.

Tertakluk kepada perkara-perkara diatas, pada pendapat kami,

Secara amnya,semua rekod-rekod perakaunan dan lain-lain dokumen telah disimpan dan diselenggara dengan baik. Koperasi MCIS Bhd telah diuruskan mengikut kehendak dan matlamat serta ketetapan mesyuarat agung tahunan dan juga Akta Koperasi 1993,

Sekian terima kasih.

Kami yang menjalankan tugas,



Mohamed Shafie Bin Abd Karim
Pengerusi JAD



Kamalanathan a/l R Ramanathan
Setiausaha



Chellandy a/l C Letchumanan
Jawatankuasa Audit Dalaman



Sukumaran a/l Karuppiah Pillai
Jawatankuasa Audit Dalaman

Tarikh : 22hb Jun 2026

SK.

1. Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia- Wilayah Persekutuan

Shan & Co
(AF 1111)

Chartered Accountants
No. 59, Jalan Thambipillai,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel : (603) 2272 3435 / 3436
Fax : (603) 2272 1941
E-mail : shan@shanandco.com.my
Website : www.shanandco.com.my

No. Pendaftaran : 2144

LAPORAN JURUAUDIT
KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI MCIS BERHAD

Pendapat

Mengikut kehendak Seksyen 63(2), (3) dan (5) Akta Koperasi 1993, peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya dan Undang-Undang Kecil Koperasi, kami melaporkan bahawa kami telah mengaudit penyata kewangan **KOPERASI MCIS BERHAD.**

Pada pendapat kami :-

a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya disimpan telah pun disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58, Akta Koperasi 1993.

b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang serta perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah mengikut Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.

c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.

d) Penyata Kewangan bersama-sama dengan Nota-Nota memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang transaksi-transaksi kewangan dan kedudukan hal-ehwal Koperasi pada 31 Disember 2025 dan Kerugian Koperasi bagi masa pada tarikh tersebut.

SHAN & CO (AF 1111)
Akauntan Bertauliah

Dato' Dr. V Shanmughanathan
01870/10/2027(J)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh : 21 JUL 2026

Shan & Co
(AF 1111)

Chartered Accountants
No. 59, Jalan Thambipillai,
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel : (603) 2272 3435 / 3436
Fax : (603) 2272 1941
E-mail : shan@shanandco.com.my
Website : www.shanandco.com.my

No. Pendaftaran : 2144

LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT
KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI MCIS BERHAD

Kepada:
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
Anggota-Anggota Koperasi MCIS Berhad

Tetuan,

LAPORAN PENGURUSAN JURUAUDIT KE ATAS KOPERASI MCIS BERHAD BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kami telah selesai menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas penyata kewangan **KOPERASI MCIS BERHAD** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Sehubungan itu, ekoran dari pengauditan tersebut, kami ingin memaklumkan bahawa sistem kawalan dalaman **KOPERASI MCIS BERHAD** pada keseluruhannya adalah baik dan memuaskan.

SHAN & CO AF 1111
Akauntan Bertauliah

Dato' Dr. V. Shanmuganathan
01870/10/2027(J)
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh : 21 JUL 2026

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD

(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025

	Note	KUMPULAN 2025 RM	KUMPULAN 2024 RM	KOPERASI 2025 RM	KOPERASI 2024 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji dan Peralatan	6	42,243.41	23,116.27	42,239.41	23,112.27
Pelaburan dalam hartanah	7	127,025,544.46	127,025,544.46	127,025,544.46	127,025,544.46
Pelaburan dalam syer siarharga	8	224,756.25	228,360.00	224,756.25	228,360.00
Pelaburan dalam syer tak siarharga	9	4,183,980.61	4,182,876.64	4,183,980.61	4,182,876.64
Pelaburan dalam subsidiari	10	0.00	0.00	7,466,525.26	7,466,525.26
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	11	117,580,928.85	117,580,928.85	117,580,928.85	117,580,928.85
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	12	703,040.08	697,863.24	703,040.08	697,863.24
Akaun Deposit Koperasi	13	3,812,207.79	3,741,167.19	3,812,207.79	3,741,167.19
Aset cukai tertunda		5,444.09	919.00	0.00	0.00
Muhibbah		300,000.00	300,000.00	0.00	0.00
		253,878,145.54	253,780,775.65	261,039,222.71	260,946,377.91
ASET SEMASA					
Penghutang perdagangan		50,410.00	50,410.00	0.00	0.00
Pinjaman anggota	14	50,275.59	34,102.34	50,275.59	34,102.34
Pelbagai penghutang	15	3,000,080.95	3,129,423.00	2,992,903.06	3,126,631.66
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	16	10,000,000.00	10,000,000.00	10,000,000.00	10,000,000.00
Simpanan tetap	17	7,517,664.52	2,312,155.20	7,229,705.68	2,026,498.20
Wang di bank	18	1,531,344.66	1,840,573.26	1,356,671.39	1,665,850.26
Wang dalam perjalanan	18	0.00	1,354.79	0.00	1,354.79
Wang ditangan	18	3,999.01	3,999.01	3,999.01	3,999.01
		22,153,774.73	17,372,017.60	21,633,554.73	16,858,436.26
JUMLAH ASET		276,031,920.27	271,152,793.25	282,672,777.44	277,804,814.17
Dibiayai oleh:					
Modal syer	19	64,132,326.03	64,312,574.03	64,132,326.03	64,312,574.03
Modal syer bonus	20	2,647,667.00	2,800,667.00	2,647,667.00	2,800,667.00
Modal yuran	21	6,151,258.99	5,991,434.22	6,151,258.99	5,991,434.22
Modal syer ditebus	22	1,228,950.00	1,048,040.00	1,228,950.00	1,048,040.00
Modal syer bonus ditebus	23	401,333.00	248,333.00	401,333.00	248,333.00
Rizab nilai saksama : Pelaburan hartanah	24	4,079,085.61	4,079,085.61	4,079,085.61	4,079,085.61
Rizab nilai saksama : Pelaburan syer	25	98,516.25	102,120.00	98,516.25	102,120.00
Kumpulan wang penebusan syer	26	426,095.03	0.00	426,095.03	0.00
Kumpulan wang penebusan syer bonus	27	2,647,667.00	2,800,667.00	2,647,667.00	2,800,667.00
Tabung Amanah Dato' NA Kularajah	28	492,226.86	441,097.65	492,226.86	441,097.65
Tabung Amanah Khir Johari	29	329,865.32	329,865.32	329,865.32	329,865.32
Keuntungan terkumpul		84,921,211.85	77,642,761.91	84,980,742.11	77,704,446.17
KUMPULAN WANG ANGGOTA		167,556,202.93	159,796,645.74	167,615,733.19	159,858,330.00

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2025 (SAMBUNGAN)

	Note	KUMPULAN 2025 RM	KUMPULAN 2024 RM	KOPERASI 2025 RM	KOPERASI 2024 RM
Dibiayai oleh (Sambungan):					
Kumpulan Wang Rizab Statutori	30	41,146,804.05	39,432,907.50	41,146,804.05	39,432,907.50
Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Pekerja	31	234,901.35	600,000.00	234,901.35	600,000.00
		41,381,705.40	40,032,907.50	41,381,705.40	40,032,907.50
JUMLAH EQUITI		208,937,908.33	199,829,553.24	208,997,438.59	199,891,237.50
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman dari Institusi Kewangan lain	32	38,331,275.25	41,892,267.70	38,331,275.25	41,892,267.70
Cukai tertunda		0.00	2,737.00	0.00	0.00
		38,331,275.25	41,895,004.70	38,331,275.25	41,892,267.70
LIABILITI SEMASA					
Skim simpanan khas anggota	33	15,467,000.00	16,352,000.00	15,467,000.00	16,352,000.00
Pinjaman dari Institusi Kewangan lain	32	5,559,324.00	5,559,324.00	5,559,324.00	5,559,324.00
Fi audit	34	26,000.00	26,000.00	26,000.00	26,000.00
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	35	285,649.42	0.00	285,649.42	0.00
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	36	142,824.71	0.00	142,824.71	0.00
Dividen	37	4,623,212.44	5,209,043.70	4,623,212.44	5,209,043.70
Honorarium	38	266,054.03	16,054.03	266,054.03	16,054.03
Jumlah terhutang kepada subsidiari		0.00	0.00	6,585,278.91	6,602,779.66
Pelbagai pemiutang	39	2,392,672.08	2,265,813.58	2,388,720.08	2,256,107.58
		28,762,736.69	29,428,235.31	35,344,063.60	36,021,308.97
JUMLAH LIABILITI		67,094,011.94	71,323,240.01	73,675,338.85	77,913,576.67
JUMLAH EQUITI DAN LIABILITI		276,031,920.27	271,152,793.25	282,672,777.44	277,804,814.17

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 12 hingga 42, adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama - sama dengannya.

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

		KUMPULAN		KOPERASI	
		2025	2024	2025	2024
	Note	RM	RM	RM	RM
KEUNTUNGAN BERSIH SEBELUM CUKAI		14,276,444.23	7,581.79	14,282,471.23	21,607.79
PEMBAHAGIAN BERKANUN					
Kumpulan Wang Rizab Statutori 12% (2024 : 13%)		1,713,896.55	2,809.01	1,713,896.55	2,809.01
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi 2% (2024 : Nil)		285,649.42	0.00	285,649.42	0.00
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi 1% (2024 : Nil)		142,824.71	0.00	142,824.71	0.00
		2,142,370.68	2,809.01	2,142,370.68	2,809.01
KEUNTUNGAN SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		12,134,073.55	4,772.78	12,140,100.55	18,798.78
CUKAI		8,181.00	0.00	0.00	0.00
LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN					
Dividen atas modal syer 6% (2024: 7%)	19	(4,006,799.58)	(4,697,926.87)	(4,006,799.58)	(4,697,926.87)
Honorarium		(250,000.00)	0.00	(250,000.00)	0.00
Kumpulan Wang Penebusan Syer 5%		(607,005.03)	0.00	(607,005.03)	0.00
KEUNTUNGAN TERKUMPUL		7,278,449.94	(4,693,154.09)	7,276,295.94	(4,679,128.09)
PELARASAN	40	0.00	(5,210,784.52)	0.00	(5,210,784.52)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL HADAPAN		77,642,761.91	87,546,700.52	77,704,446.17	87,594,358.78
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		84,921,211.85	77,642,761.91	84,980,742.11	77,704,446.17

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 12 hingga 42, adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama - sama dengannya.

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Note	KUMPULAN 2025 RM	KUMPULAN 2024 RM	KOPERASI 2025 RM	KOPERASI 2024 RM
PENDAPATAN DARI AKTIVITI					
Kredit	41	3,902.12	1,180.00	3,902.12	1,180.00
Pelaburan	41	22,124,378.75	8,770,488.92	22,124,378.75	8,770,488.92
		22,128,280.87	8,771,668.92	22,128,280.87	8,771,668.92
LAIN-LAIN PENDAPATAN					
Yuran pindahan syer		5,300.00	960.00	5,300.00	960.00
Pulangan atas KWLP		6,978.63	13,934.78	6,978.63	13,934.78
Hutang ragu pulih		2,160.00	1,700.00	2,160.00	1,700.00
Sumbangan		30,000.00	80,500.00	30,000.00	80,500.00
Tajaan pengiklanan		40,000.00	0.00	40,000.00	0.00
Pelbagai pendapatan		15,883.34	90,342.58	13,581.34	87,293.58
		100,321.97	187,437.36	98,019.97	184,388.36
JUMLAH PENDAPATAN		22,228,602.84	8,959,106.28	22,226,300.84	8,956,057.28
TOLAK : PERBELANJAAN AM					
Fi audit		26,000.00	26,000.00	26,000.00	26,000.00
Perbelanjaan lembaga	42	527,685.32	538,455.44	527,685.32	538,455.44
Susutnilai aset	6	12,672.86	22,640.98	12,672.86	22,640.98
Kerugian atas penebusan Amanah Raya		0.00	36,046.09	0.00	36,046.09
Perbelanjaan mesyuarat agung tahunan	43	114,526.00	191,625.40	114,526.00	191,625.40
Gaji dan perbelanjaan kakitangan	44	820,906.16	922,569.18	820,906.16	922,569.18
Kos pembiayaan modal:					
Pulangan atas simpanan khas anggota		732,927.13	1,229,496.49	732,927.13	1,229,496.49
Faedah atas pinjaman belian bangunan		1,220,910.18	1,363,922.98	1,220,910.18	1,363,922.98
Faedah atas pinjaman pembiayaan SSK		777,421.37	820,762.43	777,421.37	820,762.43
Kerugiaan kadar pertukaran mata wang asing		127,644.12	0.00	127,644.12	0.00
Pelbagai perbelanjaan	45	3,591,465.47	3,800,005.50	3,583,136.47	3,782,930.50
		7,952,158.61	8,951,524.49	7,943,829.61	8,934,449.49
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN PEMBAHAGIAN BERKANUN		14,276,444.23	7,581.79	14,282,471.23	21,607.79

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 12 hingga 42, adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama - sama dengannya.

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2025	2024	2025	2024
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Keuntungan bersih sebelum cukai	14,276,444.23	7,581.79	14,282,471.23	21,607.79
Pelarasan Untuk :				
Faedah atas pelaburan	0.00	(3,910.82)	0.00	(3,910.82)
Hutang ragu pulih (Pinjaman Berjamin)	(3,010.00)	(1,700.00)	(3,010.00)	(1,700.00)
Keuntungan atas penjualan pelaburan	0.00	(37,160.93)	0.00	(37,160.93)
Perbelanjaan faedah	1,998,331.55	2,184,685.41	1,998,331.55	2,184,685.41
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	12,672.86	22,640.98	12,672.86	22,640.98
KEUNTUNGAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA	16,284,438.64	2,172,136.43	16,290,465.64	2,186,162.43
(Tambahan)/Kurangan pinjaman anggota	(13,163.25)	3,825.91	(13,163.25)	3,825.91
Tambahan hutang kepada subsidiari	0.00	0.00	(17,500.75)	334.05
Tambahan pelbagai penghutang	130,260.76	412,005.67	133,728.60	397,616.01
Kurangan pelbagai pemiutang	126,858.50	(311,968.91)	132,612.50	(315,712.50)
Tunai diperoleh daripada operasi	16,528,394.65	2,275,999.10	16,526,142.74	2,272,225.90
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN				
Kumpulan Wang Likuiditi Pusat	0.00	0.00	0.00	0.00
Kumpulan Wang Ganjaran Persaraan Pekerja	(365,098.65)	0.00	(365,098.65)	0.00
Dividen	(4,592,630.84)	(2,972,986.45)	(4,592,630.84)	(2,972,986.45)
Honorarium	0.00	(30,000.00)	0.00	(30,000.00)
Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan	(4,957,729.49)	(3,002,986.45)	(4,957,729.49)	(3,002,986.45)

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	KUMPULAN		KOPERASI	
	2025	2024	2025	2024
	RM	RM	RM	RM
ALIRAN WANG DARI AKTIVITI PELABURAN				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(31,800.00)	(16,130.00)	(31,800.00)	(16,130.00)
Pelaburan dalam syer siarharga	0.00	80,878.35	0.00	80,878.35
Pelaburan dalam syer tak siarharga	(1,103.97)	0.00	(1,103.97)	0.00
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan	(32,903.97)	64,748.35	(32,903.97)	64,748.35
ALIRAN WANG DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Modal syer dan yuran dibayar	(308,118.73)	(245,058.94)	(308,118.73)	(245,058.94)
Modal syer dan yuran diterima	287,695.50	0.00	287,695.50	0.00
Syer bonus	(153,000.00)	(36,000.00)	(153,000.00)	(36,000.00)
Skim simpanan khas anggota	(885,000.00)	(19,524,803.00)	(885,000.00)	(19,524,803.00)
Pinjaman dari institusi kewangan lain	(5,559,324.00)	(5,559,345.79)	(5,559,324.00)	(5,559,345.79)
Tabung Amanah Dato' NA Kularajah	51,129.21	(29,857.79)	51,129.21	(29,857.79)
Tunai bersih dari aktiviti pelaburan	(6,566,618.02)	(25,395,065.52)	(6,566,618.02)	(25,395,065.52)
PERUBAHAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	4,971,143.17	(26,057,304.52)	4,968,891.26	(26,061,077.72)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	18,597,112.89	44,654,417.41	18,136,732.69	44,197,810.41
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	23,568,256.06	18,597,112.89	23,105,623.95	18,136,732.69
Tunai dan setara tunai merangkumi:				
Aset KWRS	10,000,000.00	10,000,000.00	10,000,000.00	10,000,000.00
Kumpulan wang likuiditi	703,040.08	697,863.24	703,040.08	697,863.24
Simpanan tetap	7,517,664.52	2,312,155.20	7,229,705.68	2,026,498.20
Akaun deposit koperasi	3,812,207.79	3,741,167.19	3,812,207.79	3,741,167.19
Wang di bank	1,531,344.66	1,840,573.26	1,356,671.39	1,665,850.26
Wang dalam perjalanan	0.00	1,354.79	0.00	1,354.79
Wang di tangan	3,999.01	3,999.01	3,999.01	3,999.01
	23,568,256.06	18,597,112.89	23,105,623.95	18,136,732.69

Nota-nota yang disertakan di mukasurat 12 hingga 42, adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama - sama dengannya.

No. Pendaftaran : 2144

KOPERASI MCIS BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN : 31 DISEMBER 2025

1. KEGIATAN KOPERASI

Koperasi telah didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993. Alamat pejabat daftar Koperasi ini adalah seperti berikut :-

Tingkat Mezzanine, Tower 1
Wisma MCIS, Jalan Barat
46200 Petaling Jaya, Selangor

Aktiviti utama Koperasi ialah aktiviti pelaburan dan pemberian pinjaman kepada anggota. Koperasi kekal bergiat aktif terutamanya sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan dalam MCIS Insurance Berhad yang merupakan sebuah syarikat bersekutu koperasi yang mana kegiatan utamanya adalah perniagaan insuran hayat. Koperasi juga menjalankan aktiviti pelaburan dalam hartatanah, syer siarharga, syer taksiar harga dan memberi pinjaman kepada anggota. Koperasi juga turut menjalankan aktiviti pemberian pinjaman kepada koperasi anggota dan pemberian pinjaman berjamin dengan menyediakan pinjaman kepada anggota-anggota individu yang terdiri daripada kakitangan dan agen-agen MCIS Insurance Berhad.

Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama sepanjang tahun kewangan.

2. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Laporan dan penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh ahli Lembaga Koperasi pada 21 JUL 2026

3. PEMATUHAN KEPADA PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN DAN AKTA KOPERASI 1993

Penyata kewangan ini telah disediakan bagi tempoh 31 Disember 2025 dengan mematuhi peruntukan Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta Undang-Undang Kecil Koperasi. Penyata kewangan ini mematuhi Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang telah disesuaikan dengan GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi untuk mematuhi Akta Koperasi 1993.

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) Konvensyen Perakaunan

Penyata Kewangan Koperasi ini disediakan mengikut asas konvensyen Kos Sejarah dengan andaian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan.

Penyata Kewangan Koperasi yang disediakan telah disesuaikan untuk mematuhi Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

No. Pendaftaran : 2144

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

4. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Susut Nilai

Harta Tanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan dengan kaedah garis lurus di atas jangkamasa kegunaan aset-aset berkenaan. Kadar susut nilai yang digunakan untuk tujuan ini adalah seperti berikut : -

Perkara	Kadar Susut Nilai Setahun
Kenderaan	20%
Komputer	30%
Kelengkapan Pejabat	20%
Ubahsuai Pejabat	20%
Peralatan parkir	20%
Papan tanda	20%

(c) Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari

Syarikat subsidiari adalah sebuah syarikat di mana Koperasi mempunyai kuasa untuk mengawal dasar-dasar kewangan dan operasi bagi memperoleh manfaat daripada aktiviti subsidiari tersebut.

Pelaburan di dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos tolak rugi rosaknilai, jika ada.

(d) Susut Nilai Aset selain Aset-Aset Kewangan

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Koperasi akan meneliti nilai dibawa bagi aset-asetnya, selain daripada aset-aset kewangan dan inventori, untuk menentukan samaada terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset telah mengalami kerugian rosotnilai. Rosotnilai diukur secara perbandingan di antara nilai aset dengan amaun yang boleh diterima bagi aset tersebut. Amaun yang boleh diterima bagi aset tersebut adalah jumlah yang lebih besar di antara nilai boleh realis bersih dan nilai penggunaan, yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai terdiskaun hadapan. Amaun boleh terima dianggar bagi setiap aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan-tunai di mana aset tersebut digolongkan.

Kerugian rosotnilai dicaj ke penyata pendapatan serta merta.

Kerugian rosotnilai yang direkod pada tahun-tahun terdahulu akan dibalikkan apabila terdapat indikasi bahawa kerugian rosotnilai yang diiktirafkan tidak wujud atau telah berkurang. Balikan diiktiraf sehingga tahap amaun dibawa bagi aset tersebut yang dikenalpasti (tolak pelunasan dan susutnilai) jika tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Balikkan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan serta merta.

No. Pendaftaran : 2144

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

(e) Pelaburan Saham

Pelaburan dalam saham siar harga adalah dinilaikan mengikut kos asal atau harga pasaran, yang mana rendah. Peruntukan pengurangan nilai dalam pelaburan akan dibuat, jika pada pandangan pihak Lembaga, pengurangan nilai adalah dianggap kekal.

Namun demikian, pihak lembaga Koperasi berpendapat bahawa jumlah dibawa yang dinyatakan di dalam kunci kira-kira memaparkan nilai saksama yang berkaitan.

(f) Tunai dan Kesedaran Tunai

Tunai dan setara tunai termasuk tunai di tangan dan di bank yang mempunyai kecairan yang tinggi di mana risiko pertukaran dalam nilai adalah rendah.

(g) Peruntukan untuk Liabiliti

Hutang dan hutang terakru dinyatakan dalam kos.

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Koperasi mempunyai tanggungjawab pada masa sekarang hasil daripada kejadian lampau dan kemungkinan terdapat aliran keluar sumber yang mengadungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan tanggungjawab tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah penting, jumlah peruntukan adalah perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan tanggungjawab tersebut pada nilai sekarang.

(h) Penghutang

Penghutang yang belum diterima ditentukan daripada amaun invois selepas tolak peruntukan bagi tahun. Hutang lapuk dikenalpasti akan dihapuskira dan hutang ragu diperuntukan sekiranya kutipan hutang tersebut diragui.

(i) Pemiutang

